

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 11 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 5, NO. 10 HINGGA NO. 46)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keadaan pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Sarawak yang kian meningkat dan apakah tindakan kerajaan untuk memerangi masalah ini berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2024, sebanyak 7,244 kes dilaporkan melibatkan 7,534 tangkapan telah direkodkan.

Antara punca dan masalah yang menyebabkan gejala penyalahgunaan dan pengedaran dadah berlaku di seluruh negara termasuk Sarawak adalah kerana trend pengedaran serta Modus Operandi yang sering berubah-ubah mengikuti perkembangan semasa.

Bagi menangani ancaman dadah ini, antara tindakan dan langkah yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia melalui Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) adalah dengan melaksanakan operasi “Op Tapis” secara berterusan termasuk di Sarawak. Selain operasi yang berterusan setiap hari, JSJN juga melancarkan “Op Tapis Khas” yang melibatkan seluruh negeri di Malaysia bagi mengekang aktiviti dadah daripada terus berleluasa. Op Tapis Khas ini tertumpu ke atas kawasan tumpuan penagih dadah, kawasan perladangan, kawasan perumahan, kampung nelayan dan lain-lain.

Selain daripada itu, pihak PDRM turut mengambil tindakan ke atas individu yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah dengan menggunakan peruntukan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah - Langkah Pencegahan Khas) 1985 bagi menahan ahli sindiket melalui Perintah Tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) atau Perintah Sekatan di lokasi yang ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). JSJN juga menyediakan ‘Talian Hotline 24 Jam’ yang membolehkan orang awam melaporkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti yang disyaki pengedaran dadah bagi membolehkan pihak PDRM mengambil tindakan pantas ke atas pengedar dan penagih dadah.

Pihak PDRM juga mengadakan program kesedaran bersama masyarakat setempat bagi memberi penerangan mengenai kesan-kesan negatif akibat daripada aktiviti melibatkan penyalahgunaan dadah. Bagi tahun 2024, PDRM telah mengadakan 70 ceramah di sekolah-sekolah seluruh

NO SOALAN : 5

Sarawak, 14 sesi dialog di peringkat daerah-daerah di Sarawak, selain 38 pameran mengenai kesedaran bahaya dadah. PDRM juga mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri Sarawak dari masa ke semasa.

Khusus di Sarawak bagi menangani ancaman dadah, JSJN telah menubuhkan Unit Sekretariat Nukleus Narkotik (SNN) Sarawak yang mempunyai perjawatan dengan jumlah kekuatan (5) orang mengikut perjawatan iaitu (1) pegawai dan (4) anggota pangkat rendah (APR).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana pencapaian Projek Transformasi Perusahaan Industri Getah (TARGET) yang merupakan salah satu teras di dalam Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, **Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET)** oleh Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah. Program TARGET dilaksanakan dengan kaedah memendekkan rantai pembekalan getah melalui penyatuan pekebun kecil secara kluster, diusahakan oleh koperasi dan usahawan getah untuk menghasilkan getah tambah nilai, iaitu getah krip. Getah krip yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi dan menawarkan harga yang lebih baik berbanding getah cuplump (getah sekerap). Getah krip ini dijual terus ke kilang pemprosesan.

2. Insentif Program TARGET termasuk pemberian pinjaman mudah tanpa faedah sebagai modal pusingan pembelian getah sekerap kepada pengusaha dan insentif *one-off* untuk pembinaan Pusat Pengumpulan Getah Krip (PPGK), khidmat nasihat teknikal, dan bantuan untuk pemasaran dan promosi. Pemilihan pengusaha melibatkan koperasi dan peniaga getah yang memenuhi kriteria seperti kapasiti pembekalan sekurang-kurangnya 5 tan getah sekerap sehari, kelengkapan fasiliti dan pengangkutan, serta tenaga kerja yang mencukupi.

3. Program ini dimulakan pada tahun 2021. Pada masa ini, sebanyak 3 pengusaha untuk mengendalikan Pusat Pengumpulan Getah Krip (PPGK) telah dikenalpasti dan sedang menjalani sesi latihan dan inkubator di 2 PPGK milik LGM, iaitu di Stesen Penyelidikan LGM Sg. Sari, Kedah dan Ladang Bukit Ibam, Pahang. Ketiga-tiga pengusaha ini kelak akan diberikan insentif pembinaan PPGK melalui dana dari LGM. Proses pembinaan ini dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2025. Melalui 3 PPGK tersebut, program ini dianggarkan dapat memberi manfaat kepada antara 450 hingga 600 orang pekebun kecil getah setiap bulan yang terlibat dalam pembekalan getah sekerap secara keseluruhannya.

NO SOALAN : 10

4. Getah krip yang dihasilkan di PPGK akan dijual terus kepada kilang pemprosesan getah yang dilantik oleh LGM, dengan harga jualan yang lebih tinggi berbanding getah sekerap. Ini disebabkan oleh kadar diskaun pemprosesan yang lebih rendah dan nilai Kandungan Getah Kering (KGK) yang lebih telus melalui penggunaan teknologi RRIMETER®, dengan kadar KGK getah krip antara 78 hingga 82% berbanding 50 hingga 60% untuk getah sekerap. Keuntungan dari penjualan getah krip ini akan dikongsikan kepada pekebun kecil yang turut serta dalam kluster yang membekalkan getah sekerap untuk diproses di PPGK.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian dan hala tuju sistem DELIMA untuk jangka masa 10 tahun ke hadapan termasuk kesediaan terhadap peralihan kepada sistem pendidikan tanpa buku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa komited untuk menyediakan penyampaian pendidikan yang terbaik dan inklusif berdasarkan perkembangan teknologi kepada semua guru dan murid.

Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) merupakan satu langkah proaktif oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk merevolusikan pendidikan di negara ini. Dengan memanfaatkan teknologi terkini, DELIMa menyediakan platform pembelajaran yang lebih personal, inklusif dan efektif. Melalui penggunaan e-buku, video pendidikan, dan aplikasi interaktif, DELIMa berpotensi untuk mengubah cara murid mengakses serta mencari maklumat dan memahami ilmu pengetahuan. Integrasi kecerdasan buatan (AI) dalam DELIMa berupaya menambah baik pengalaman pembelajaran murid melalui penyesuaian dengan keperluan individu. Oleh yang demikian, DELIMa akan membolehkan setiap murid belajar pada kadar dan gaya yang paling sesuai dengan keperluan mereka.

Satu ciri utama dan keistimewaan DELIMa ialah aspek fleksibiliti pelantar pembelajaran ini. DELIMa direka untuk mudah dinaik taraf dan terus berkembang seiring dengan perubahan teknologi bagi memenuhi keperluan pendidikan masa depan yang selari dengan perkembangan teknologi.

Sebagai usaha berterusan, KPM memantapkan platform DELIMa sedia ada kepada DELIMa 3.0 yang direka bentuk sebagai ekosistem pembelajaran digital yang lebih komprehensif. Komponen *Digital Learning Pathway* dalam DELIMa 3.0 menyediakan modul kerangka kandungan dan bahan mengikut tahap dan keupayaan pengguna (guru dan murid) dengan menggunakan AI. Integrasi AI turut dioptimumkan untuk memberi cadangan pembelajaran mengikut pemetaan dan kecenderungan pengguna.

Menerusi penyediaan akses kepada pelbagai sumber pendidikan digital, DELIMa dapat meningkatkan penggunaan bahan sokongan digital serta menggalakkan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sehingga kini, DELIMa telah menempatkan 789 buku

teks digital asas, 12,762 video pembelajaran dan 170 podcast radio pendidikan yang boleh diakses secara percuma oleh semua murid dan guru. Selain itu, sebanyak 23,882 bahan turut dikongsikan oleh 3,715 orang guru selain daripada gerbang pembelajaran digital yang dibangunkan oleh 16 jabatan pendidikan negeri. Kesemua sumber pendidikan ini membolehkan pelaksanaan PdP yang lebih efisien, serta lebih menarik bagi murid generasi digital.

Di samping itu, KPM turut menyokong Projek Point of Presence (PoP) yang merupakan salah satu inisiatif kerajaan di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan menjadikan sekolah sebagai hab untuk penyediaan infrastruktur jalur lebar gentian optik. Projek ini dilaksanakan melalui dua fasa bermula pada tahun 2022 dan dijangka selesai pada tahun 2030.

Secara keseluruhannya, DELIMa bersedia untuk transformasi sistem pendidikan seiring dengan hasrat Dasar Pendidikan Digital dengan prasyarat ketersediaan infrastruktur seperti akses Internet dan peranti di sekolah dan di rumah; latihan serta sokongan pedagogi dan teknologi kepada pendidik; dan ketersediaan literasi digital murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN
MOHAMED @ HASHIM
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : **11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

**DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA
TERENGGANU]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) perbandingan kedudukan hutang dan liabiliti negara serta obligasi bayaran hutang matang dan faedah bagi 2023 dan 2024; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan ekoran kenaikan jumlah hutang dan liabiliti Kerajaan daripada RM1.39 trilion pada akhir 2022 ke RM1.58 trilion pada S1 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir September 2024, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat RM1,239.1 bilion atau 63.7% daripada KDNK berbanding akhir 2023 sebanyak RM1,172.5 bilion atau 64.3% iaitu dengan peningkatan sebanyak RM66.6 bilion bagi sembilan bulan pertama 2024. Peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan adalah disebabkan oleh keperluan Kerajaan untuk membiayai defisit fiskal bagi menampung perbelanjaan pembangunan (DE). Pembiayaan ini secara langsung akan meningkatkan paras hutang Kerajaan selagi mana kedudukan kewangan Kerajaan mengalami defisit.

Dalam Belanjawan 2025, Kerajaan telah mensasarkan defisit fiskal lebih rendah kepada 3.8 peratus daripada KDNK. Selaras dengan pengurangan defisit, hutang baharu oleh Kerajaan berkurang daripada 100 billion ringgit tahun 2022 kepada 92.6 billion ringgit tahun 2023 seterusnya kepada anggaran 84.7 bilion ringgit pada tahun 2024 dan disasarkan 80 bilion ringgit tahun 2025.

Jumlah liabiliti Kerajaan Persekutuan pula adalah sebanyak RM369.3 bilion pada akhir Jun 2024 berbanding RM361.1 bilion pada akhir 2023. Jumlah ini meliputi komitmen jaminan sebanyak RM231.4 bilion (2023: RM227.4 bilion) dan liabiliti lain RM137.9 bilion (2023: RM133.7 bilion).

Sehingga hari ini, Kerajaan tidak pernah gagal dalam melunaskan obligasi bayaran hutang Kerajaan Persekutuan yang matang dan faedah mengikut jadual yang ditetapkan. Secara amnya, setiap tahun Kerajaan perlu membuat pinjaman bagi membiayai defisit fiskal dan bayaran balik hutang yang matang berikutan kedudukan kewangan Kerajaan yang masih dalam defisit. Kegunaan terimaan pinjaman ini adalah dibenarkan berdasarkan di bawah Akta-Akta berkaitan pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan.

Pada tahun 2024, jumlah terbitan pinjaman Kerajaan dianggar sebanyak RM206 bilion (10.6% KDNK), iaitu lebih rendah berbanding RM226.6 bilion (12.4% KDNK) pada 2023. Dalam hal ini, sebanyak RM121.3 bilion (2023: RM134 bilion) diperuntukkan untuk bayaran balik hutang yang matang. Selain itu, bayaran khidmat hutang (DSC) merupakan tanggungan yang diberi keutamaan peruntukan perbelanjaan sebagaimana termaktub di bawah Perkara 98(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Jumlah DSC Kerajaan Persekutuan dianggarkan sebanyak RM50.8 bilion pada 2024 berbanding RM46.3 bilion pada 2023.

Justeru, dalam memastikan paras hutang dan liabiliti terus terkawal dan terurus, beberapa **langkah kawalan telah dan akan dilaksanakan dalam usaha menangani peningkatan paras hutang dan liabiliti** antaranya seperti berikut:

- a) Meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara beransur-ansur bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding semasa pandemik tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi negara. Paras defisit fiskal telah menunjukkan trend penurunan iaitu daripada RM98.7 bilion (6.4% KDNK) pada 2021 kepada RM99.5 bilion (5.5% KDNK) pada 2022 dan RM91.4 bilion (5% KDNK) pada 2023. Paras defisit fiskal diunjur akan terus berkurang kepada RM84.3 bilion (4.3% KDNK) pada 2024 seterusnya RM80 bilion (3.8% KDNK) pada 2025. Ini selari dengan komitmen Kerajaan bagi memastikan sasaran defisit fiskal dalam Akta 850 pada kadar 3% KDNK dapat dicapai dalam tempoh jangka sederhana;
- b) Memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan supaya Kerajaan sentiasa mempunyai lebihan baki semasa serta dapat menampung sebahagian DE. Pada 2024, Kerajaan telah melaksanakan langkah meningkatkan kutipan hasil antaranya meningkatkan kadar cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8% dan pengenalan e-invois;
- c) Mengoptimumkan perbelanjaan awam antaranya menerusi pelaksanaan penyasaran subsidi diesel mulai 10 Jun 2024 bagi mengurangkan pembaziran dan ketirisan di samping melindungi

kesejahteraan golongan rentan. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi merasionalisasi badan berkanun dalam menangani pertindihan fungsi sekaligus memastikan perbelanjaan yang cekap;

- d) Memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai DE yang berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang;
- e) Menyemak semula kaedah pelaksanaan projek secara *off-budget* yang membebankan dan sewajarnya projek-projek ini dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah peruntukan DE;
- f) Mengehadkan pemberian jaminan kewangan pada 25% daripada KDNK di bawah Akta 850. Penetapan had ini mampu mengukuhkan keyakinan pelabur dan agensi penarafan kredit mengenai peningkatan pendedahan daripada liabiliti luar jangka seterusnya memastikan jaminan yang diberikan seiring dengan kapasiti ekonomi negara dan sumber awam; dan
- g) Memperkenalkan dokumen dasar baharu mengenai pelaksanaan projek kerjasama awam swasta (PPP) iaitu Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) bertujuan untuk meningkatkan tadbir urus projek dan program PPP serta memperkenalkan mekanisme dan struktur pembiayaan baharu bagi meringankan beban kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :

- (a) jumlah hutang keseluruhan yang terakru atau terhutang oleh pelajar di bawah pinjaman PTPTN setakat tahun 2023; dan
- (b) jumlah keseluruhan peminjam Melayu, Cina dan India setakat tahun 2023 dan peratusan peminjam Melayu, Cina dan India yang berhutang setakat tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Sehingga 31 Disember 2023, PTPTN telah meluluskan 3,951,404 pinjaman dengan jumlah keseluruhan dikeluarkan sebanyak RM71.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,716,110 pinjaman telah patut mula dibayar balik dengan amaun patut bayar balik keseluruhan berjumlah RM32.29 bilion.

(b)

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan pinjaman pendidikan PTPTN adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mendapat tawaran ke IPTA, IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), tanpa ada kuota atau peruntukan khusus yang ditetapkan, tertakluk kepada syarat-syarat lain yang ditetapkan.

3. Walau bagaimanapun, jumlah kelulusan adalah bergantung kepada permohonan yang diterima dan syarat-syarat lain yang ditetapkan, di mana sebanyak 2,842,682 pinjaman atau 71.9% adalah kaum bumiputera manakala 1,108,722 atau 28.1% pinjaman adalah bukan bumiputera.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan status Projek Tebatan Banjir Sungai Kedah di sepanjang Kampung Suka Menanti dan Kampung Seberang Pantai Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit yang akan memberi manfaat kepada penduduk Kampung Suka Menanti dan Kampung Seberang Pantai Johor. Status kemajuan fizikal di tapak adalah 81.9% dan dijangka siap pada Oktober 2025.
2. JPS juga menjalankan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir sebagai penyelesaian jangka pendek di lembangan Sungai Kedah. Pada tahun 2022 dan 2023, peruntukan berjumlah RM 640 ribu telah disalurkan untuk Parlimen Alor Setar untuk melaksanakan kerja-kerja kecil melibatkan skop utama seperti pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan.
3. Daripada jumlah tersebut, terdapat satu (1) sebutharga melibatkan Kampung Suka Menanti iaitu kerja Membaikpulih Tebing Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Kampung Suka Menanti, Mukim Pumpong, Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman pada tahun 2022 dengan kos sebanyak RM 100 ribu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan individu yang telah didaftarkan di dalam TRIS (Sistem Pengesan Maklumat Pelarian) dan jumlah MyRC telah dikeluarkan dari 1 Januari 2024 hingga 14 Oktober 2024. Bagaimana Kerajaan berhasrat untuk bekerjasama dengan UNHCR untuk memastikan perlindungan pelarian dan pencari suaka di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia adalah bukan negara anggota kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan atau Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Namun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan keberadaan sementara golongan Pendatang Asing Tanpa Izin yang memegang Kad UNHCR. Pengurusan golongan ini adalah berpandukan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara No.23: Mekanisme Pengurusan PATI Yang Memegang Kad UNHCR yang berkuat kuasa sejak 24 Ogos 2009.

Pada masa ini, Kerajaan Malaysia tidak mempunyai akses kepada maklumat yang lengkap dan terperinci, fakta keberadaan golongan berkaitan serta kesahihan data yang dilaporkan oleh UNHCR.

Justeru, *Tracking Refugees Information System* (TRIS) diperkenalkan bagi mengumpul data demografik dan biometrik individu yang didaftarkan sebagai “pelarian” oleh UNHCR untuk tujuan kawalan, perancangan, pemantauan dan penguatkuasaan. Pelaksanaan Program Pendaftaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Melalui Tracking Refugees Information System (TRIS) telah bermula dari tahun 2018 dan tamat pada 10 Januari 2024.

Namun begitu, selaras dengan penambahbaikan Arahan MKN No.23 (Semakan 2023) yang telah menetapkan peranan dan tindakan yang perlu diambil oleh agensi Kerajaan yang terlibat dalam mengendalikan pelarian, KDN sedang menambahbaik mekanisme pendataan kepada golongan ini.

Di samping itu juga, Kerajaan Malaysia sentiasa membuat libat urus bersama UNHCR dalam mencari penyelesaian berkenaan pengurusan pelarian di negara ini. Antaranya mengemukakan laporan pendaftaran pelarian kepada Kerajaan Malaysia secara bulanan serta melaksanakan program perkongsian kapasiti (*capacity sharing*) yang disertai pegawai-

NO SOALAN : 15

pegawai dari agensi-agensi Kerajaan bagi memberi pendedahan dalam aspek proses pendaftaran pelarian yang dilakukan oleh pihak UNHCR dan juga proses penentuan status pelarian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan telah melakukan analisis perbandingan keberkesanan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) berbanding dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta menjelaskan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula GST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum berhasrat untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) memandangkan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) sedia ada telah difahami oleh peniaga dan rakyat kerana sudah digunakan lebih 40 tahun dan masih boleh ditambah baik untuk menjana hasil tambahan bagi Kerajaan dengan lebih pantas. Ini berbanding langkah memperkenalkan semula GST yang memerlukan tempoh persediaan yang lebih panjang sama ada di pihak Kerajaan mahupun di pihak industri.

Kesan fiskal yang lebih pantas dapat dilihat melalui pelaksanaan langkah cukai Belanjawan 2024 pada tahun ini apabila cukai jualan diunjur melonjak sebanyak 5.7% kepada RM19.4 bilion berikutan pelaksanaan cukai barangan bernilai rendah mulai 1 Januari 2024 dan jangkakan jualan kenderaan penumpang yang lebih tinggi. Cukai perkhidmatan pula dianggar meningkat sebanyak 25.8% kepada RM21.5 bilion seiring dengan kenaikan kadar cukai daripada 6% kepada 8% di samping peluasan skop perkhidmatan yang antara lain termasuk perkhidmatan logistik, pembrokeran dan pengunderaitan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

Selain itu, Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024 telah digubal bagi mengukuhkan tadbir urus dan disiplin fiskal negara. Akta ini menekankan prinsip pengurusan fiskal yang bertanggungjawab meliputi hasil, perbelanjaan, pinjaman dan hutang serta risiko fiskal ke arah memastikan keseimbangan antara agenda pembangunan negara dan kemampuan kewangan awam.

Menerusi Akta tersebut, Kerajaan akan meningkatkan langkah mobilisasi hasil termasuk meluaskan asas hasil cukai, menambah baik dan menyemak semula struktur dan perundangan cukai, serta pemberian insentif percukaian. Langkah ini akan direalisasikan melalui pelaksanaan

Strategi Hasil Jangka Sederhana (*Medium Term Revenue Strategy - MTRS*) bagi memastikan perancangan cukai jangka sederhana untuk tempoh 3 tahun ke hadapan adalah lebih teratur dan sepadan dengan perbelanjaan.

Kerajaan akan terus memastikan penambahbaikan sistem cukai sedia ada tidak memberi kesan kepada golongan rentan dengan aspek kesan regresif dikurangkan dan kesan inflasi yang terkawal sebelum menilai keperluan untuk memperkenalkan cukai penggunaan baharu seperti GST. Tambahan pula, pelaksanaan semula GST perlu mengambil kira kesan kepada setiap lapisan masyarakat.

Selain itu, sebarang perubahan dasar kepada sistem percukaian berasaskan penggunaan akan diteliti untuk memastikan ianya bersifat lebih progresif, mudah ditadbir, tidak memberi impak negatif kepada kos sara hidup dan pertumbuhan ekonomi serta pada masa yang sama dapat menjana hasil yang mampan kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN
[BENTONG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) status terkini enam kes yang disiasat oleh IPCC daripada sejumlah 256 aduan yang diterima melalui Mesyuarat Jawatankuasa Aduan dan Mesyuarat Suruhanjaya; dan
- (b) perkembangan syor IPCC untuk penambahbaikan dalam meningkatkan integriti polis dari aspek prosedur, peraturan, sumber manusia dan fasiliti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] telah berkuatkuasa pada 1 Julai 2023. Sejak penubuhannya, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 (IPCC) telah menerima aduan daripada pelbagai platform yang disediakan. Mulai dari 1 Julai 2023 sehingga 30 September 2024, IPCC telah menerima sebanyak 466 aduan. Kesemua aduan yang diterima IPCC ini dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Aduan yang mengelaskan aduan berdasarkan Seksyen 25, Akta 839.

Sehingga 30 September 2024, tujuh (7) aduan telah dikelaskan di bawah Seksyen 25.(c) Akta 839 yang mana ia hendaklah dirujuk kepada pegawai Suruhanjaya bagi tujuan penyiasatan. Kesemua aduan tersebut telah dibuka Kertas Siasatan (KS) di mana dua (2) daripadanya telah dibentangkan kepada Mesyuarat Suruhanjaya IPCC. Setelah meneliti dan mempertimbangkan syor Laporan Dapatan Siasatan (LDS), Suruhanjaya telah membuat keputusan seperti berikut:

- (i) satu (1) aduan ditolak kerana tiada terkesan salah laku oleh pegawai yang diadu; dan
- (ii) satu (1) aduan dikelaskan semula untuk tindakan lanjut oleh PDRM.

Bagi lima (5) aduan yang masih dalam proses siasatan, dua (2) KS telah berada di peringkat akhir dan tiga (3) KS masih dalam proses siasatan selanjutnya.

- (b) Akta 839 amat menekankan dan memberi fokus kepada aspek integriti warga PDRM. Malah Akta 839 turut memberi ruang kepada IPCC untuk menasihati Kerajaan mengenai penambahbaikan kesejahteraan dan kebajikan anggota pasukan polis termasuk persekitaran dan keperluan tempat bertugas, beban kerja, risiko keselamatan serta keperluan tempat tinggal mereka.

Sejak penubuhannya, IPCC telah memberi fokus kepada beberapa perkara utama iaitu integriti, kebajikan dan kesejahteraan, mekanisme aduan dan siasatan serta rujukan mandatori. Sehingga 30 September 2024, IPCC telah mengadakan sesi naziran ke lima (5) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), 26 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), 130 Balai Polis dan formasi-formasi lain. IPCC juga telah mengadakan Sesi Libat Urus dengan Jabatan/Agensi/Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta Sesi Meja Bulat IPCC bagi mendapatkan maklumat, pandangan dan isu-isu berkaitan integriti anggota pasukan polis dengan lebih tepat dan holistik.

Melalui Program Naziran, IPCC telah mengenal pasti prosedur-prosedur, peraturan-peraturan dan sistem-sistem yang diguna pakai yang boleh ditambah baik, diperkemaskan dan “*value for money*”. Sesi Libat Urus yang telah dilaksanakan bersama pelbagai jabatan/agensi/NGO yang berkaitan telah membantu IPCC mendapatkan gambaran yang lebih jelas terutamanya terhadap kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh pasukan polis dalam memberikan perkhidmatan yang cekap, boleh dipercayai dan mencapai standard kepolisan yang sebenarnya. Manakala melalui Sesi Meja Bulat, IPCC telah melibatkan individu-individu berkepakaran/berpengalaman dalam bidang masing-masing bagi mendengar idea dan membincangkan kaedah-kaedah yang berkesan bagi meningkat dan menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis.

Melalui semua inisiatif dan program-program yang dilaksanakan ini, IPCC yakin bahawa pengesyoran yang akan diangkat kepada Parlimen nanti dapat memantapkan kredibiliti anggota pasukan polis, mengurangkan kes-kes salah laku, menjaga hak asasi

NO SOALAN : 17

manusia, menambah baik fasiliti dan kemudahan ke arah memartabatkan perkhidmatan dan standard kepolisan.

Kewibawaan IPCC menggalas tanggungjawab besar ini dapat memastikan konsep Malaysia Madani tercapai melalui ketenteraman dan keselamatan awam yang terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menjadikan reka bentuk serta jajaran stesen ECRL turut sesuai digunakan sebagai stesen penghantaran barangan atau kargo berat sederhana ke bawah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Rel Laluan Pantai Timur (ECRL) dengan panjang keseluruhan sebanyak 665km akan menghubungkan empat buah negeri di Pantai Timur dan Pantai Barat iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor. Pembinaan projek ECRL ini dibahagikan kepada 3 seksyen iaitu Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun, Seksyen B dari Dungun ke Mentakab dan Seksyen C dari Mentakab ke Pelabuhan Klang melalui Gombak dan Serendah.

2. Pada masa ini, jajaran ECRL merangkumi 20 buah stesen di mana 10 buah stesen merupakan stesen penumpang dan kargo iaitu stesen Pasir Puteh, Dungun, Chukai, Kuantan Port City (KPC), Paya Besar, Maran, Temerloh, Bentong, Bandar Serendah dan Jalan Kastam serta 3 jajaran sisihan iaitu jajaran sisihan Kerteh, Kemaman dan Kuantan Port City (KPC) yang juga akan menghubungkan pelabuhan-pelabuhan di kawasan pantai timur dan pantai barat Semenanjung Malaysia.

3. Pelan pembinaan stesen-stesen ECRL dirangka setelah mempertimbangkan jajaran dan impak penggunaan tanah di koridor ECRL yang mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Penentuan bagi rekabentuk bangunan stesen dan jajaran ECRL ini telah dibuat berdasarkan kajian secara menyeluruh bagi menentukan kepelbagaian kargo yang boleh dibawa melalui rangkaian rel ECRL. Pendekatan ini juga turut memastikan bahawa projek ECRL dibina dengan tahap ketahanan dan aspek keselamatan yang baik selaras dengan standard piawaian yang dibenarkan bagi perkhidmatan rel.

4. Berdasarkan kajian kebolehlaksanaan dan Skim Kereta Api yang telah diluluskan, unjuran perkhidmatan kargo telah dirangka bagi setiap 10 tahun selama 30 tahun bermula daripada tarikh operasi rel ECRL. Unjuran menunjukkan terdapat peningkatan bagi perkhidmatan penghantaran komoditi barangan seperti automotif, batu arang, petrokimia, hasil kelapa sawit dan sebagainya ke pelabuhan-pelabuhan utama di Pantai Timur dan Pantai Barat dengan menggunakan

perkhidmatan rel ECRL. Melalui perkhidmatan ini, pelbagai jenis wagon disediakan oleh projek ECRL bagi membawa kargo yang telah dikenal pasti seperti *flatbed wagon*, *open top wagon* dan *box wagon*. Selain itu, jumlah lokomotif elektrik yang akan digunakan juga mampu membawa komoditi-komoditi ini berdasarkan unjuran yang telah dikenal pasti.

5. Pada masa ini, tarikh siap projek ECRL Fasa 1 iaitu dari Kota Bharu sehingga ITT Gombak seperti yang dijadualkan iaitu pada 31 Disember 2026 manakala tarikh siap bagi Fasa 2 iaitu dari Gombak ke Pelabuhan Klang, Selangor dijadualkan pada 31 Disember 2027.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar Sarawak yang telah mendapat insentif bayaran balik pinjaman PTPTN dari Kerajaan Sarawak sejak diperkenalkan hingga kini dan berapa jumlah bayaran yang telah diterima oleh PTPTN sejak Memorandum Persefahaman (MoU) Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak dimeterai dengan Yayasan Sarawak pada 5 Mac 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Insentif bayaran balik pinjaman kepada anak Sarawak telah dilaksanakan selaras dengan pengumuman Kerajaan Negeri Sarawak semasa pembentangan Belanjawan 2020 pada 4 November 2019 bagi tujuan membantu bayaran balik pinjaman PTPTN kepada peminjam negeri Sarawak. Melalui insentif ini, Kerajaan Negeri Sarawak menawarkan pengurangan baki hutang pinjaman sebanyak 30 peratus kepada peminjam yang menyelesaikan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada baki hutang pinjaman.

2. Sejak diperkenalkan pada tahun 2021 dan bagi data sehingga 31 Disember 2023, seramai 26,285 peminjam anak Sarawak telah menikmati insentif ini dengan jumlah peruntukan bayaran balik pinjaman yang diterima daripada kerajaan negeri Sarawak adalah sebanyak RM90.42 juta.

3. Untuk itu, kementerian ini dan PTPTN ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Negeri Sarawak di atas keprihatinan membantu peminjam. Kementerian Pendidikan Tinggi juga menyeru mana-mana kerajaan negeri lain untuk tampil mengambil langkah sebagaimana kerajaan negeri Sarawak dalam membantu peminjam daripada negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT
GANTANG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan
Kementerian untuk menambah baik dan menaik taraf balai-balai polis di
Changkat Jering, Trong, Padang Gajah, Simpang, Pasir Hitam dan Kuala
Sepetang yang kebanyakan merupakan bangunan lama yang telah uzur dan
rosak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai. Ini termasuk menyediakan kemudahan yang selesa kepada warga KDN termasuk dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sama ada di tempat kerja mahupun kuarters kediaman.

Sehubungan itu, dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), KDN dan PDRM telah menyenaraikan cadangan projek pembangunan baharu mengikut keutamaan bagi menggantikan bangunan-bangunan lama yang tidak ekonomik untuk diselenggara dan dibaiki di seluruh negara. Di samping itu, KDN turut menyalurkan peruntukan di bawah Belanja Mengurus (*Operating Expenditure – OE*) dan Belanja Pembangunan (*Development Expenditure – DE*) kepada PDRM bagi pembaikan serta penyelenggaraan pejabat-pejabat dan kuarters-kuarters pasukan polis di seluruh negara.

Berdasarkan rekod PDRM, terdapat enam (6) buah balai polis berada di bawah Parlimen Bukit Gantang iaitu Balai Polis Padang Gajah, Balai Polis Trong, Balai Polis Changkat Jering, Balai Polis Kuala Sepetang, Balai Polis Simpang dan Balai Polis Pulau Pasir Hitam.

Pada tahun 2023, PDRM telah membelanjakan RM50 ribu untuk kerja-kerja pembaikan am dan elektrik serta RM13 ribu pula telah dibelanjakan bagi perolehan aset dan perabot bagi Balai Polis Changkat Jering. Kedua-dua perolehan kerja ini telah selesai dilaksanakan pada tahun 2023 menggunakan bajet DE.

Dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP3) RMK-12 Tahun 2023, sebanyak RM600 ribu telah diluluskan bagi kerja-kerja pembaikan kemudahan balai polis-balai

NO SOALAN : 20

polis uzur dalam Parlimen Bukit Gantang melibatkan pembaikan kuarters Balai Polis Padang Gajah, Kuarters Balai Polis Trong dan Kuarters Balai Polis Changkat Jering. Pada masa ini, kerja-kerja ini sedang dilaksanakan oleh JKR dan dijangka siap selewat-lewatnya pada Mac 2025.

Selain itu, sebanyak lima (5) kerja-kerja pembaikan sedang dilaksanakan oleh pihak PDRM di bawah peruntukan Baik Pulih dan Pembaikan Kuarters serta Premis PDRM yang melibatkan Balai Polis Simpang, Balai Polis Changkat Jering, Balai Polis Trong, Balai Polis Padang Gajah dan Balai Polis Pulau Pasir Hitam dengan peruntukan sebanyak RM100 ribu yang dijangka akan siap sebelum penghujung tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan ke atas kehilangan Amri Che Mat dan Pastor Raymond Koh sejak 2016-2017 yang masih tidak dapat dikesan, dan kemajuan ke atas siasatan semula kes mendiang Teoh Beng Hock yang terbunuh dalam tempat ruang ibu pejabat SPRM Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan PDRM di dalam kes Pastor Raymond dan Amri Che Mat masih berterusan sehingga kini. Sehubungan itu, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini bagi mengelakkan ianya mengganggu siasatan.

Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa siasatan yang dilaksanakan oleh pihak PDRM untuk mengesan mangsa dan suspek yang bertanggungjawab dibuat dengan telus dan tidak akan terhenti agar dapat memberi keadilan kepada individu berkenaan dan pihak keluarga.

PDRM telah membuka kembali kertas siasatan kes mendiang Teoh Beng Hock di bawah Seksyen 342 Kanun Keseksaan (Kurungan Salah). Kertas siasatan tersebut telah dikemukakan kepada pihak pihak Jabatan Peguam Negara (AGC), namun pihak AGC telah mengembalikan kertas siasatan kepada PDRM pada 6 Ogos 2024 untuk siasatan lanjut.

Memandangkan perkara ini masih dalam siasatan, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini bagi mengelakkan ianya mengganggu siasatan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha menyelesaikan isu silibus yang tinggi dan berat sekaligus menjadi punca kepada murid kurang berminat dalam subjek sains dan matematik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menambah baik kurikulum bagi memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keperluan murid semasa. Pemantauan pelaksanaan kurikulum dan kajian keperluan dilaksanakan bagi mengenal pasti sebarang isu dan masalah berhubung dengan pelaksanaan kurikulum termasuk Sains dan Matematik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah menyeluruh telah diambil oleh KPM adalah dalam aspek meningkatkan kualiti guru dan menambah baik lanskap pembelajaran melibatkan pengukuhan asas Sains dan Matematik dalam kalangan murid. Selain itu, KPM turut menyediakan Modul Bimbingan (MOBIM) di peringkat sekolah rendah. MOBIM Sains dan Matematik disediakan sebagai bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mengandungi pelbagai idea dan aktiviti dengan memberi penekanan kepada penggunaan bahan maujud dan bergambar melalui pendekatan CPA (Konkrit, Bergambar, Abstrak) bagi Tahap I dan pendekatan didik hibur melibatkan aktiviti *hands-on* bagi Tahap II. MOBIM Sains dan Matematik ini dapat membantu merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran terutamanya bagi tajuk-tajuk sukar. MOBIM boleh diakses melalui pelantar DELiMa.

KPM juga telah mengambil langkah dengan menjajarkan kurikulum Sains dan Matematik Tahap I dan II. Penjajaran kurikulum ini terdiri daripada pengemaskinian dan penyusunan semula kandungan mata pelajaran Sains dan Matematik Tahap I sedia ada. Dokumen Penjajaran Kurikulum Edisi 3 digunakan bermula Mac 2024 sehingga sesi persekolahan 2026.

Selain itu, Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) merupakan satu inisiatif untuk membantu membantu murid menguasai Standard Pembelajaran yang dipelajari. Melalui PLaN pihak sekolah diberikan autonomi untuk memberikan intervensi yang bersesuaian dengan persekitaran sekolah dan juga murid. KPM juga menyediakan bahan bantu belajar murid PLaN khusus bagi menangani isu kelemahan

penguasaan kemahiran asas Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah.

Strategi lain yang diambil pula melibatkan perubahan kurikulum Sains dan Matematik sekolah menengah dalam Kurikulum Persekolahan 2027. Kurikulum tersebut akan disusun selaras dengan pengaplikasian teknologi dalam membina konsep, menguasai kemahiran, menyiasat dan meneroka idea sains dan matematik serta menyelesaikan masalah. Di samping itu, kurikulum matematik sekolah menengah akan mengintegrasikan pembelajaran berasaskan projek untuk membuatkan Matematik lebih menarik dan relevan kepada murid.

KPM yakin usaha ini dapat meningkatkan pelibatan dan seterusnya, pencapaian murid dalam bidang Sains dan Matematik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]**
TARIKH : **11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan nilai Ringgit Malaysia terus mengukuh dan apakah kesan negatif kepada ekonomi negara jika pengukuhan Ringgit Malaysia terlalu drastik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen teguh Kerajaan ke arah pelaksanaan pembaharuan struktur yang diperlukan akan menambah baik prospek Malaysia dan memberikan sokongan yang lebih berkekalan kepada ringgit. Pada masa ini, ekonomi Malaysia sedang berkembang dengan baik, kadar inflasi adalah rendah dan kedudukan luaran yang kukuh. Dasar di bawah kerangka Ekonomi MADANI yang sedia ada telahpun disusun untuk menyokong perkembangan ekonomi di samping memastikan daya tahan ekonomi Malaysia kekal utuh.

Kerajaan juga terus menyokong pelancongan dalam negeri dan mempromosikan kempen membeli produk buatan Malaysia secara berleluasa bagi yang berkemampuan. Di samping itu, Kerajaan turut menggalakkan lebih banyak pelaburan domestik.

Sementara itu, BNM akan terus bersedia mengambil langkah campur tangan dalam pasaran pertukaran asing (*FX Intervention*) untuk membendung pergerakan mata wang yang dianggap berlebihan. BNM komited untuk memastikan kecairan pasaran pertukaran asing yang mencukupi dan persekitaran yang kondusif bagi pengeksport, pengimport ataupun perniagaan untuk menjalankan operasi mereka.

Usaha bersepadu ini telah menyumbang kepada prestasi positif nilai ringgit yang semakin pulih secara berterusan.

Kerajaan sentiasa memantau kesan daripada kenaikan nilai ringgit terhadap prestasi ekonomi negara daripada pelbagai aspek. Pengukuhan nilai ringgit yang berterusan berpotensi memperlahankan kadar kenaikan harga barang import. Namun begitu, tahap dan tempoh kesan pindahan ini terhadap harga domestik berbeza mengikut jenis barangan import:

- a) Harga barangan penggunaan akhir (seperti makanan segar, telefon mudah alih) cenderung menurun apabila nilai ringgit mengukuh;

- b) Sebaliknya, penurunan harga input perantara diimport yang mempengaruhi kos pengeluaran syarikat berpotensi mengurangkan insentif syarikat untuk menaikkan harga. Ini mengurangkan tekanan kenaikan harga barang; dan
- c) Harga sesetengah jenis barang juga mungkin bertindak balas secara berbeza terhadap pergerakan kadar pertukaran. Barangan makanan import (seperti daging lembu beku dan beberapa sayur-sayuran) lazimnya mengikuti perubahan kadar pertukaran, manakala barangan bukan makanan seperti farmaseutikal cenderung meningkat apabila ringgit melemah tetapi kekal tidak berubah apabila ringgit mengukuh (kesan pindahan yang mempunyai asimetri).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan usaha Kementerian bagi membangunkan pusat data bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat dan mengembangkan kedudukan Malaysia untuk menjadi hab serantau bagi pusat data.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dari tahun 2023 sehingga bulan September 2024, sebanyak 21 buah pusat data yang telah memperolehi status Malaysia Digital (MD) di bawah kelulusan Malaysia *Digital-Coordination Committee* (MD-CC), dengan jumlah pelaburan sebanyak RM61.56 bilion yang menawarkan sejumlah 972 peluang pekerjaan berpengetahuan (*knowledge worker*).
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Digital melalui agensinya, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membangunkan industri pusat data di Malaysia dengan memberi fokus kepada latihan dan penciptaan peluang pekerjaan.
3. Dasar semasa Kerajaan turut memberi penekanan kepada latihan dan pembangunan kemahiran dalam memastikan warga tempatan akan dapat memanfaatkan peluang pekerjaan dalam sektor teknologi ini. Pelaburan dalam pusat data merupakan pelaburan berimpak tinggi yang berupaya untuk memacu pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai bidang dan tidak hanya terhad kepada peluang pekerjaan separuh mahir atau buruh, tetapi ianya juga melibatkan fasa pembangunan infrastruktur yang memerlukan tenaga kerja mahir dalam bidang pembinaan, telekomunikasi, kabel dasar laut dan tenaga elektrik.
4. Selanjutnya, tenaga mahir juga akan diperlukan untuk pengendalian, penyelenggaraan, pengurusan data, pentadbiran rangkaian, keselamatan siber dan penyelesaian inovatif apabila pusat data tersebut mula beroperasi.
5. Justeru itu, limpahan ekonomi ini akan turut memberi manfaat kepada firma seni bina, perunding pengurusan, kontraktor elektrik, penyedia HVAC (*heating, ventilation and air-conditioning*), pakar rangkaian dan keterhubungan, syarikat keselamatan dan perkhidmatan pengurusan kemudahan. Selain itu, syarikat tempatan juga berpeluang untuk memperolehi kontrak dan perkongsian dengan pusat data dan

penyedia perkhidmatan pengkomputeran awan dan sekali gus dapat meningkatkan hasil dan pertumbuhan positif terhadap ekonomi negara.

6. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini melalui MDEC sedang membangunkan bakat-bakat digital tempatan yang diperlukan bagi memenuhi semua keperluan ini dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif seperti program *Premier Digital Tech Institutions* (PDTI) dan *MD Workforce*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan projek-projek solar sekolah rendah di kawasan pedalaman Sarawak amnya dan kawasan Parlimen Baram khususnya. Nyatakan jumlah sekolah rendah di kawasan Baram yang telah diluluskan projek ini dan status pelaksanaan terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek bekalan elektrik alternatif di kawasan luar bandar dengan pemasangan sistem solar hibrid oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sekolah-sekolah luar bandar Sarawak dilaksanakan secara berperingkat. Secara keseluruhan, projek ini melibatkan 112 buah sekolah di 17 daerah di Sarawak. Sebelum ini, sekolah-sekolah tersebut bergantung kepada sistem *genset* tersendiri sebagai sumber elektrik. Pelaksanaan peringkat pertama bermula pada akhir tahun 2020 untuk 99 buah sekolah, manakala peringkat kedua dimulakan pada tahun 2022 untuk 13 buah sekolah.

Projek Pemasangan Sistem Solar Hibrid ini merupakan penyelesaian yang paling optimum dari segi teknikal dan ekonomi untuk memastikan bekalan elektrik 24 jam, sekali gus mengurangkan kos operasi yang tinggi dari penggunaan *genset*. Sehingga kini, sebanyak 80 buah sekolah telah berjaya dipasang dengan sistem ini, manakala 32 buah sekolah lagi masih dalam proses pemasangan.

Secara khususnya, di daerah Baram, sebanyak 43 buah sekolah telah diluluskan Projek Pemasangan Sistem Solar Hibrid. Sehingga kini, 11 buah sekolah telah siap dipasang sistem solar hibrid. Manakala, baki 32 buah sekolah masih dalam proses pemasangan disebabkan oleh tender semula berikutan penamatan kontrak terdahulu. Jangkaan siap bagi 17 buah sekolah adalah pada 19 Disember 2024, manakala baki 15 buah sekolah lagi dijangka siap pada 1 September 2025.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sekolah-sekolah yang telah selesai pemasangan dan tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defect Liability Period-DLP), KPM telah menjalankan program penyelenggaraan untuk memastikan sistem ini berfungsi dengan baik tanpa sebarang gangguan. Kontrak operasi dan penyelenggaraan bagi sekolah-sekolah ini akan berterusan sehingga 11 November 2025. KPM sentiasa komited dalam memastikan penyediaan infrastruktur asas, terutamanya bekalan elektrik, bagi mencipta persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran

NO SOALAN : 25

(PdP) yang berkualitas dan kondusif, seterusnya mempertingkatkan pencapaian akademik murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan untuk menurunkan cukai jalan kenderaan persendirian yang menggunakan bahan api diesel untuk mengurangkan beban rakyat ekoran kenaikan bahan api tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan kadar fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) untuk kenderaan diesel ini telah pun diguna pakai sejak tahun 2009. Kadar tersebut tidak pernah dinaikkan sejak 15 tahun yang lalu dan masih kekal digunakan sehingga kini.
2. Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan kadar fi LKM bagi kenderaan jenis bahan bakar diesel. Sebahagian besar kenderaan tersebut telahpun mendapat manfaat dan sokong kerajaan melalui Skim Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) susulan pelaksanaan dasar penyasaran subsidi diesel pada Jun 2024.
3. Walau bagaimanapun, kerajaan sedia mengkaji pelarasan fi LKM mengikut keadaan ekonomi semasa mengambil pertimbangan faktor-faktor termasuk hala tuju dasar pengangkutan negara, penjana hasil yang mampan dan kemampuan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan terhadap 2 suspek lain iaitu MA Tinagaran Arumugam dan isterinya yang terlibat bersama 3 pegawai SPRM lain yang dituduh merompak seorang ahli perniagaan dari China pada Disember 2021 (No.Repot: Dang Wangi/028219/21). Berapa laporan polis/SPRM pernah dibuat terhadap 2 suspek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis bersabit Dang Wangi Repot: 28219/2021 di bawah Seksyen 395 Kanun Keseksaan iaitu melakukan rompak berkumpulan. Walau bagaimanapun, kes ini masih dalam perbicaraan di mahkamah. Sehubungan itu, Kementerian ini tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut bagi mengelakkan sebarang gangguan kepada siasatan berkenaan.

Bagi dua (2) suspek lain iaitu MA Tinagaran Arumugam dan isterinya, semakan mendapati bahawa tiada sebarang laporan polis dibuat ke atas mereka yang turut dituduh merompak seorang ahli perniagaan dari China pada Disember 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian mengenai status pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP) di sekolah termasuk hala tuju Kementerian serta penambahbaikan terhadap garis panduan yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Dual Language Programme (DLP) bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris (BI) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik bermula tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pelaksanaan DLP setakat 30 September 2024 di sekolah yang melaksanakan DLP bagi sesi akademik 2023/2024 adalah sebanyak 2,491 sekolah iaitu 1,659 sekolah rendah dan 832 sekolah menengah.

KPM telah melaksanakan penambahbaikan kepada garis panduan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2024: Garis Panduan Pelaksanaan Dual Language Programme Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024 bertarikh 19 Mac 2024 yang sedang berkuat kuasa. Penambahbaikan yang dibuat adalah berkenaan dengan perkara yang berikut:

- i. Syarat penyertaan sekolah dalam program DLP yang perlu merujuk kepada pencapaian murid Tahun 6 untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Ujian Akhir Sesi Akademik setelah pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR); dan
- ii. Syarat pembukaan kelas yang melaksanakan DLP telah dibuat di mana sekolah yang melaksanakan program DLP perlu memastikan peluang turut disediakan kepada murid yang memohon untuk mengikuti mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa kebangsaan atau bahasa ibunda masing-masing. Pihak sekolah hendaklah memastikan terdapat sekurang-kurangnya satu kelas di setiap Tahun/Tingkatan yang melaksanakan PdP menggunakan Bahasa Kebangsaan/bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar

bermula dengan Tahun 1 dan Tingkatan 1 untuk sesi persekolahan baharu mulai tahun 2024/2025.

Garis panduan yang sedang berkuat kuasa ini adalah terpakai kepada semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang melaksanakan DLP meliputi semua sekolah harian biasa dan sekolah berasrama penuh.

KPM sentiasa memantau pelaksanaan program DLP di semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan supaya tidak bertentangan dengan perundangan sedia ada dan Dasar Pendidikan Kebangsaan Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**
TARIKH : **11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana peningkatan nilai mata wang Ringgit akan membawa impak positif kepada ekonomi Malaysia, keadaan fiskal negara dan penurunan hutang negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen teguh Kerajaan dalam melaksanakan pembaharuan struktur yang bertunjangkan Kerangka Ekonomi MADANI telah menambah baik prospek ekonomi Malaysia seterusnya memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit. Pada masa ini, ekonomi Malaysia sedang berkembang baik dengan inflasi kekal rendah dan kedudukan luaran yang kukuh.

Peningkatan nilai ringgit dijangka memberi impak positif kepada ekonomi negara antara lain dari segi:

- a. Mengurangkan kos import seterusnya memberi manfaat kepada pengguna dan perniagaan yang bergantung kepada bahan mentah dari luar negara; dan
- b. Merencanakan aktiviti pelaburan dengan menarik lebih banyak pelaburan asing dan dalam masa yang sama meningkatkan keyakinan pelabur tempatan. Perkara ini akan memberi ruang kepada Kerajaan untuk melaksanakan dasar ekonomi secara lebih baik dan berkesan.

Dari aspek kedudukan fiskal dan hutang negara pula, sebarang impak positif kepada kutipan hasil dan perbelanjaan Kerajaan susulan peningkatan nilai mata wang ringgit akan mengukuhkan kedudukan kewangan negara.

Mengenai pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan, hutang dalam denominasi mata wang asing adalah kecil iaitu sekitar 2.5% daripada jumlah hutang. Komposisi kecil ini menjadikan pendedahan kepada risiko tukaran mata wang asing adalah rendah. Oleh itu, pengukuhan nilai ringgit secara amnya akan mengurangkan jumlah bayaran faedah serta hutang yang matang, dan secara tidak langsung mengurangkan beban kewangan Kerajaan Persekutuan.

NO SOALAN : 29

Pada 2024, kedudukan kewangan dijangka mencatat defisit fiskal lebih rendah pada 4.3 peratus daripada KDNK berbanding 5 peratus pada 2023. Kedudukan defisit fiskal diunjur terus berkurang kepada 3.8 peratus pada 2025. Kerajaan komited dalam meneruskan trajektori konsolidasi fiskal untuk membina ruang fiskal dan memastikan kemampanan fiskal dan hutang dalam jangka sederhana dan panjang, seterusnya memastikan sasaran defisit fiskal di bawah 3 peratus daripada KDNK dan sasaran hutang tidak melebihi 60 peratus daripada KDNK seperti yang ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] dapat dicapai dalam tempoh jangka sederhana.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) punca yang menyebabkan beberapa penerbangan MAS terpaksa berpatah balik, apakah langkah yang diambil dan apakah kesan terhadap reputasi MAS akibat insiden ini ; dan
- (b) apakah tindakan yang dikenakan terhadap AirAsia yang sering mengalami kelewatan dan penangguhan penerbangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) punca yang menyebabkan beberapa penerbangan MAS terpaksa berpatah balik, apakah langkah yang diambil dan apakah kesan terhadap reputasi MAS akibat insiden ini

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) prihatin dan memandang serius aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dalam memastikan pertumbuhan industri penerbangan selari dengan pematuhan terhadap piawaian-piawaian keselamatan yang telah ditetapkan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) selaku Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan teknikal penerbangan awam negara telah meningkatkan pemantauan dan menjalankan siasatan terhadap sebarang insiden yang melibatkan pesawat-pesawat kendalian syarikat-syarikat penerbangan Malaysia.

3. Dalam hubungan ini, CAAM telah menjalankan siasatan mengejut ke atas syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB) termasuk syarikat MAB Engineering Services (MABES) dengan izin yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan pesawat-pesawat MAB pada 24 hingga 28 Jun 2024.

4. Berdasarkan dapatan siasatan tersebut, antara isu signifikan yang menyumbang kepada beberapa insiden teknikal pesawat MAB adalah kemungkinan disebabkan masalah komponen mekanikal dan kekurangan tenaga pekerja mahir yang diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pesawat dan meningkatkan tahap keberkesanan sistem pengurusan kualiti serta sistem pengurusan perihal selamat oleh syarikat penerbangan MAB dan MABES.

5. Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti tindakan penambahbaikan terhadap hasil siasatan mengejut CAAM, MAB telah menyediakan pelan mitigasi antaranya adalah untuk meningkatkan tahap

keselamatan pesawat ke tahap waspada bagi membolehkan fokus diberikan terhadap kebolehpercayaan pesawat.

6. Bagi memperkukuhkan aspek-aspek penyelenggaraan pesawat, MAB telah mengambil beberapa langkah komprehensif seperti berikut:

- i) Membatalkan beberapa rangkaian penerbangan dalam dan luar negara secara sementara. Langkah pembatalan rangkaian penerbangan ini adalah perlu bagi memastikan ketahanan jangka panjang pesawat dan keteguhan operasinya. Melalui pembatalan rangkaian penerbangan secara sementara ini akan membolehkan penyelenggaraan yang lebih proaktif dilakukan terhadap pesawat, mengurangkan risiko kerosakan pesawat dan memberikan pengalaman penerbangan yang terbaik kepada pelanggan. Keputusan ini juga adalah untuk memastikan standard keselamatan MAB bukan hanya dikekalkan tetapi diperkukuhkan;
- ii) MAB juga telah menjalankan siasatan menyeluruh terhadap isu teknikal semasa dengan mengenal pasti dan membetulkan punca, serta menambah baik protokol dan prosedur penyelenggaraan bagi memastikan piawaian keselamatan yang ditetapkan dapat dicapai;
- iii) Semua langkah penyelesaian masalah (*troubleshooting*) yang diperlukan untuk mengasingkan kerosakan sedang dilakukan menggunakan manual penyelenggaraan pesawat terkini yang telah diluluskan. Dalam hal ini, MAB telah menggunakan teknologi moden dalam penyelenggaraan pencegahan dan ramalan untuk menjangka dan menangani isu sebelum ianya menjadi kritikal;
- iv) MAB juga sedang bekerjasama rapat dengan pengeluar pesawat dan enjin serta rangkaian pembekal yang berkaitan untuk menangani isu rangkaian bekalan dan teknikal;
- v) Di samping itu, MAB juga sedang memberikan tumpuan

kepada peningkatan latihan dan pengambilan pekerja bagi menangani isu peningkatan permintaan dan kompleksiti pesawat moden; dan

- vi) Secara kolektifnya, langkah-langkah ini dilakukan bertujuan untuk memulihkan keyakinan penumpang dan bagi memastikan penerbangan yang lebih selamat serta lebih dipercayai oleh penumpang.

7. Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan audit terkini CAAM ke atas syarikat MAB, tempoh pembaharuan Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) akan dikurangkan daripada tiga tahun kepada satu tahun sahaja bermula 1 September 2024 hingga 31 Ogos 2025. Oleh yang demikian, syarikat penerbangan perlu melalui proses pengauditan sebelum AOC diperbaharui. Tempoh AOC yang lebih pendek akan mewajibkan audit yang lebih kerap. Hal ini bagi memastikan MAB mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sewajarnya sebagai mana pelan mitigasi yang telah dikemukakan oleh CAAM.

8. CAAM akan meneruskan pemantauan dan menjalankan pengauditan keselamatan terhadap semua pesawat yang dimiliki oleh syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi dalam negara dalam memastikan aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dipatuhi sewajarnya. Kementerian ini menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara yang melibatkan keselamatan penumpang penerbangan.

b) apakah tindakan yang dikenakan terhadap AirAsia yang sering mengalami kelewatan dan penangguhan penerbangan.

9. Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sentiasa memantau kelewatan dan pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan di Malaysia. Berdasarkan data sehingga bulan Ogos 2024, Kelewatan penerbangan bagi AirAsia adalah sebanyak 38% daripada jumlah penerbangan.

10. Antara punca kelewatan penerbangan adalah disebabkan oleh operasi syarikat penerbangan seperti penggiliran pesawat dan anak kapal serta keadaan luar biasa dan isu teknikal.

11. Manakala punca pembatalan penerbangan adalah disebabkan komersial seperti muatan rendah (*poor loads*), masalah operasi syarikat penerbangan seperti kekurangan anak kapal, ketibaan lewat pesawat, putaran pesawat (*aircraft rotation*), keadaan luar biasa seperti cuaca, kawalan trafik udara dan masalah teknikal seperti *aircraft on ground* (AOG).

12. Bagi menangani isu kelewatan dan pembatalan ini, MOT dan MAVCOM pada April 2024 telah menetapkan 85% sasaran *On-Time Performance* ("OTP") dan 80% penerbangan yang mematuhi jadual bagi semua syarikat penerbangan Malaysia termasuk Air Asia yang beroperasi dari semua lapangan terbang di Malaysia.

13. Hasil pemantauan prestasi semua syarikat penerbangan termasuk Air Asia akan diterbitkan di laman web MAVCOM. Sekiranya syarikat penerbangan gagal mencapai sasaran, ia boleh memberi kesan kepada permohonan syarikat penerbangan untuk pembaharuan atau menambah hak trafik udara daripada pihak MAVCOM. Selain itu, MAVCOM juga merancang untuk memperkenalkan mekanisme insentif dan penalti untuk syarikat penerbangan berdasarkan sasaran OTP dan pembatalan penerbangan yang telah ditetapkan.

14. Seterusnya, MAVCOM juga telah mengingatkan syarikat penerbangan untuk mematuhi keperluan pengurusan gangguan penerbangan. Syarikat penerbangan dikehendaki mengerahkan pasukan pengendalian kelewatan penerbangan, mengeluarkan kenyataan media dalam masa 24 jam untuk gangguan penerbangan utama (*major*) dan menyediakan laporan terperinci kepada MAVCOM.

15. Susulan daripada itu, berdasarkan data bagi bulan September 2024, AirAsia telah mencatatkan kadar OTP sebanyak 67.9% pada bulan September berbanding 70.8% pada bulan Ogos untuk laluan domestik. Bagi penerbangan antarabangsa, AirAsia mencapai kadar OTP sebanyak

61.7% pada bulan September berbanding 69.5% pada bulan Ogos manakala AirAsia X mencapai kadar OTP sebanyak 81.8% pada bulan September berbanding 80.6% pada bulan Ogos.

16. Bagi menjaga hak pengguna penerbangan Malaysia, MOT telah menambahbaik Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 ("MACPC") yang telah diwartakan pada 2 September 2024. Kod ini bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna penerbangan Malaysia. MACPC menetapkan kewajipan syarikat penerbangan untuk menawarkan hak kepada pengguna penerbangan, meliputi kelewatan dan pembatalan penerbangan. Antara penambahbaikan MACPC 2024 adalah ia menetapkan keperluan untuk syarikat penerbangan menawarkan pilihan bayaran balik dalam bentuk pembayaran asal untuk sebarang kelewatan penerbangan melebihi lima jam, termasuk kelewatan yang disebabkan oleh keadaan luar biasa. Kewajipan untuk membayar balik pengguna dalam bentuk pembayaran asal juga meliputi pembatalan penerbangan disebabkan oleh keadaan luar biasa oleh syarikat penerbangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan strategi Kementerian dalam memastikan sungai-sungai, terusan dan saluran diselenggarakan dengan baik dan bebas ancaman pencemaran dari sumber buangan efluen domestik dan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, pengurusan sungai terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui enakmen pengurusan sumber air Negeri masing-masing. Manakala, pemantauan kualiti air sungai dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] dan peraturan-peraturan di bawahnya.

2. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JKKAS) yang dipengerusikan secara bersama dengan NRES dan telah menggariskan beberapa strategi mengurangkan ancaman pencemaran daripada sumber efluen:

- i. Penguatkuasaan peraturan dan undang-undang dan pemantapan tatakelola pengurusan air sungai seluruh negara;
- ii. Memperkasa dan memantapkan jawatankuasa atau platform sedia ada bagi membincangkan isu-isu kualiti air;
- iii. Mengintegrasikan sistem pemantauan sedia ada dengan teknologi terkini seperti stesen telemetri, penggunaan analisis data raya (*Big Data*) dan aplikasi kecerdasan buatan (AI) untuk pemantauan yang berterusan secara *real-time*, serta kebolehan untuk mengesan trend, perubahan dan unjuran yang signifikan dalam kualiti air sungai dan badan air lain;
- iv. Penyeragaman atau penyesuaian pelaksanaan pelan sedia ada di peringkat negeri; contohnya Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management, IRBM*) dan Pembangunan *Total Maximum Daily Load (TMDL)*;

- v. Pengukuhan penyelidikan dan pengurusan pemantauan Bahan Cemar Baharu melalui pembentukan Jawatankuasa Kerja Bahan Cemar Baharu di bawah PETRA melalui NAHRIM dengan penglibatan kerjasama semua pemegang taruh, pastikan ancaman ini dapat ditangani dengan segera;
 - vi. Perbincangan secara berterusan mengenai pengurusan air negara melalui Mesyuarat Majlis Air Negara (MAN) yang menjadi platform antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri; dan
 - vii. Kertas Pertimbangan Jawatankuasa Eksekutif Dasar Sekuriti Makanan Negara bagi pengukuhan pengurusan sisa efluen daripada industri ternakan, perikanan dan pertanian
3. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga sentiasa proaktif dalam memastikan kelancaran aliran sungai dengan mengurus lembangan sungai dan sumber air. Melalui pendekatan secara bersepadu, JPS menaksir sumber air, memantau kemarau, memantau dan meramal banjir termasuklah juga memastikan lembangan sungai diurus dengan sempurna untuk keperluan pemeliharaan kuantiti dan kualiti sumber air.
4. Sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Peruntukan berjumlah RM1.3 juta telah disalurkan untuk Parlimen Balik Pulau pada tahun 2022 sehingga 2023 untuk melaksanakan sembilan (9) sebutarga dengan skop utama seperti kerja-kerja pengaluran sungai, kerja-kerja menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan bagi meningkatkan kualiti air sungai. Pada tahun ini pula, sebanyak RM400 ribu diperuntukkan untuk melaksanakan lima (5) sebutarga yang akan siap pada Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:

- (a) berapa jumlah transaksi hasil pendapatan yang telah dicatatkan oleh pelabuhan-pelabuhan di Malaysia dalam tempoh lima tahun; dan
- (b) apakah persediaan Kerajaan sekiranya projek Terusan Segenting Kra Thailand dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tempoh lima (5) tahun dari 2019 hingga 2023, secara kolektifnya syarikat-syarikat pengendali (*port operators*) bagi kesemua tujuh (7) Pelabuhan Persekutuan utama telah menjana pendapatan sebanyak **RM32.46 bilion**. Pendapatan syarikat pengendali adalah amat bergantung kepada perkhidmatan pelabuhan yang ditawarkan serta jumlah kargo yang dikendalikan.

2. Syarikat pengendali adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan perbelanjaan modal (CapEx) sepanjang tempoh konsesi bagi membangunkan pelabuhan berdasarkan komitmen yang telah dipersetujui dalam perjanjian konsesi. Harus ditekankan ialah segala kos pembangunan pelabuhan adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat pengendali melalui pelbagai sumber, termasuk daripada hasil pendapatan yang diperoleh. Justeru, Kerajaan Persekutuan tidak menyalurkan sebarang peruntukan untuk pembangunan di tujuh (7) Pelabuhan Persekutuan utama tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan adalah sedia maklum tentang dua cadangan inisiatif infrastruktur berskala besar di Selatan Thailand iaitu Jambatan Darat Chumpon-Ranong dan juga Terusan Segenting Kra.

4. Dalam menghadapi persaingan daripada Jambatan Darat Chumpon-Ranong atau Terusan Segenting Kra sekiranya inisiatif tersebut dilaksanakan, langkah persediaan yang diambil Kerajaan adalah memfokus kepada pengukuhan kelebihan sedia ada sektor pelabuhan dan logistik negara kita.

5. Pada masa ini, prestasi pelabuhan kita yang terbukti dapat memberi jaminan *business certainty* dan dedahan risiko perniagaan yang lebih rendah berbanding percubaan perkhidmatan baharu di Selatan Thailand. Daripada reputasi dan asas yang baik ini, Pelabuhan-pelabuhan Persekutuan akan terus giat melaksanakan usaha-usaha pembangunan pelabuhan yang memfokus kepada:

- (i) peningkatan kualiti perkhidmatan dan produktiviti pelabuhan;
- (ii) penyediaan kapasiti dan infrastruktur pelabuhan yang mencukupi untuk menampung keperluan semasa dan masa hadapan; serta
- (iii) pembangunan ke arah pelabuhan hijau selaras dengan penekanan terhadap prinsip ESG.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI
[BETONG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam menyemarakkan minat pelajar sekolah rendah dan menengah terhadap kerjaya dalam bidang STEM terutamanya di luar bandar Sarawak. Perincikan inisiatif khas untuk memperkenalkan lebih banyak peluang dalam bidang ini dan perancangan untuk menyediakan peralatan dan kemudahan yang bersesuaian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan murid bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Melalui *Task Force* Pendidikan STEM bagi memperkasakan haluan pendidikan STEM negara, pelbagai usaha telah digerakkan untuk menyemarakkan minat murid sekolah rendah dan menengah terhadap kerjaya dalam bidang STEM termasuk murid di luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif sebagai usaha meningkatkan peratusan penyertaan murid dalam bidang STEM. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberi penekanan kepada peningkatan minat murid melalui pendekatan pembelajarana yang baharu dan pemantapan kurikulum, peningkatan kesedaran murid dan orang awam, peningkatan kemahiran dan kebolehan guru, serta penambahbaikan kemudahan dan infrastruktur untuk proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bidang STEM.

Terkini, langkah strategik KPM bagi meningkatkan minat murid dalam bidang STEM telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mac 2024. Antara langkah strategik tersebut ialah:

- i. menggalakkan pembelajaran STEM yang bermakna;
- ii. menyediakan peluang untuk murid mengembangkan bakat dan potensi melalui aktiviti kokurikulum bidang STEM pada pelbagai peringkat;
- iii. mengutamakan pembangunan kompetensi pemimpin sekolah, guru bidang STEM, Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP);
- iv. mereka bentuk semula ruang pembelajaran yang luwes dan inklusif;
- v. membangunkan pentaksiran pembelajaran STEM yang inovatif dan holistik;

- vi. mengukuhkan kerjasama strategik bagi melestarikan ekosistem STEM; dan
- vii. menubuhkan Pusat Pendidikan STEM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM turut memperkasakan kegiatan kokurikulum sebagai alat penting dalam memupuk minat murid terhadap kerjaya STEM. Melalui kegiatan kokurikulum seperti pameran, inovasi serta program berkaitan keusahawanan dan komputasional, murid didedahkan tentang kerjaya bidang STEM serta memupuk budaya penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan (*Research, Development, Innovation, Commercialization and Entrepreneurship* atau RDICE).

Program Young *STEMist* Expo (YSE) di bawah Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM PPPM 2013-2025 merupakan program yang memberi sokongan kepada sekolah yang mempunyai majoriti murid dari golongan B40 untuk terlibat dalam kemahiran digital, aktiviti dan pertandingan STEM. Sebanyak 20 buah sekolah dari Song, Baram, Bau dan Sri Aman telah dilibatkan. Agensi seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Elvira Sdn. Bhd., Chumbaka, Intel Malaysia, Shell, Maxis dan agensi lain telah memberikan sokongan kepakaran, perkakasan, perisian, tenaga pengajar dan penganjuran pertandingan khusus kepada murid YSE.

Selain itu, Program *Outreach* merupakan antara aktiviti yang memberi pendedahan kepada murid tentang kerjaya bidang STEM. Program lawatan sambil belajar ke universiti, industri dan agensi boleh memberi pengalaman yang memperkaya dan memberikan impak positif kepada murid. Perkongsian oleh pakar daripada industri kepada murid dan GBK akan memberi maklumat tentang kerjaya bidang STEM yang boleh meningkatkan motivasi murid memilih kerjaya dalam bidang ini.

KPM menyokong Program Kembara Sains Borneo 2024 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertujuan membawa program pembudayaan sains ke kawasan luar bandar. Kembara ini telah menjelajah ke Miri, Bintulu, Sibul, Sri Aman dan Kuching. Seramai 17,916 murid di Sarawak. Terkini, Program Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) 100³ yang juga diterajui oleh MOSTI dengan kerjasama KPM pula

mengetengahkan perkongsian saintis tentang kerjaya dalam bidang STEM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM komited untuk menambah baik serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur untuk proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bidang STEM. Justeru, KPM berusaha secara berterusan menyalurkan peruntukan khusus bagi penyelenggaraan makmal dan pembelian peralatan STEM baharu. Sebanyak 25 projek penyelenggaraan dan ubah suai naik taraf makmal sains dan makmal komputer sedang dilaksanakan, manakala sebanyak 81 sekolah rendah dan 89 sekolah menengah di Sarawak dibekalkan bahan dan peralatan sains baharu bawah *Rolling Plan 4 2024 RMKe-12*.

Sinergi antara KPM, Kerajaan Negeri Sarawak dan pelbagai pihak lain termasuk pihak swasta sentiasa diperkukuh untuk mengupayakan ekosistem pendidikan STEM di Sarawak. KPM komited untuk memupuk minat murid terhadap STEM, terutamanya di kawasan luar bandar Sarawak. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan akses kepada pendidikan STEM tetapi juga memastikan murid mendapat pengalaman pembelajaran yang menyeluruh, membina asas yang kukuh untuk mereka melanjutkan pelajaran dan kerjaya dalam bidang ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR [KEMAMAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah status terkini Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 dan siapakah pemegang taruh yang dilibatkan di dalam proses ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang merangka dokumen hala tuju pendidikan tinggi yang baharu bagi menggantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) 2015-2025 yang akan tamat tempohnya pada tahun hadapan.

2. Pembangunan pelan baharu ini adalah penting kerana dunia pendidikan tinggi sentiasa berubah dengan pesat, terutamanya dalam konteks globalisasi dan perkembangan teknologi. Justeru, adalah penting untuk Malaysia memastikan pendidikan tingginya seiring dengan transformasi global ini.

3. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 merupakan dokumen rujukan yang penting bagi mencorakkan hala tuju pendidikan tinggi negara untuk dekad mendatang agar selari dengan aspirasi nasional dan perubahan landskap global. Selain itu, PPPTM ini dirancang secara komprehensif untuk memenuhi keperluan negara, industri, komuniti serta memastikan pendidikan tinggi di Malaysia dapat berkembang maju dan beradaptasi dengan tuntutan masa hadapan.

4. KPT sebagai sekretariat utama bersama Kumpulan Pakar dan pasukan pelaksana dari Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memastikan gerak kerja termasuk sesi libat urus dan proses pengumpulan data bersama pemegang taruh dilaksanakan dengan sewajarnya.

5. Sehingga 10 Oktober 2024, KPT telah melaksanakan 29 sesi libat urus yang melibatkan 5,792 orang pemegang taruh daripada pelbagai kelompok dalam dan luar ekosistem pendidikan tinggi bagi mengenal pasti isu dan cabaran utama daripada pelbagai perspektif dalam pendidikan tinggi. Sehingga kini, sesi libat urus masih giat dilaksanakan bersama beberapa pemegang taruh melalui pelbagai kaedah seperti

bengkel, perbincangan kumpulan berfokus, mesyuarat secara fizikal dan dalam talian.

6. Antara kelompok pemegang taruh yang terlibat bagi sesi libat urus yang dijalankan adalah seperti pelajar dan alumni, kakitangan akademik dan bukan akademik, majlis dan persatuan universiti, persatuan industri, pihak berkuasa tempatan, badan profesional, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

7. Selain itu, bagi memastikan pelan yang dibangunkan ini menyeluruh dan inklusif, sehingga 3 Oktober 2024, KPT telah menerima maklum balas daripada tinjauan nasional yang dilaksanakan. Semua maklum balas ini sedang dianalisis dan dinilai untuk dijadikan input dalam pembangunan PPPTM 2026-2035.

8. Sebagai tambahan, kemajuan penghasilan pelan ini dipantau oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat PPPTM 2026-2035 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi serta Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PPPTM 2026-2035 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPT yang diadakan secara berkala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan sebuah sekolah menengah baharu SMK Kuala Tomani bagi menyediakan kualiti akses pendidikan yang berkualiti, inklusif dan setara dapat diberikan kepada pelajar setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha meningkatkan akses pendidikan melalui penyediaan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara, termasuk di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah merancang untuk membina sebuah sekolah menengah baharu di kawasan Kuala Tomani, Tenom, Sabah bagi memenuhi keperluan pendidikan menengah di kawasan tersebut.

Buat masa ini, KPM melalui JPN Sabah telah mengenal pasti cadangan tapak yang sesuai bagi pembinaan sekolah menengah baharu tersebut dan sedang dalam proses perolehan tanah. KPM akan mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk pembinaan sekolah menengah baharu dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) setelah selesai urusan perolehan dan pemilikan cadangan tapak. Kelulusan dan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada agensi pusat, keutamaan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian terbaharu Kementerian mengenai cadangan mewujudkan semula peperiksaan bagi Tahun 6 di sekolah rendah dan Tingkatan 3 di sekolah menengah dan apakah bentuk kajian yang akan dilaksanakan oleh Kementerian sebagai pertimbangan terhadap cadangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa susulan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemeraksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik.

PBS disifatkan sebagai pentaksiran yang berorientasikan perkembangan murid secara holistik. Fokus pembelajaran bukan hanya bertumpu kepada gred atau markah dalam peperiksaan, tetapi beralih kepada pembelajaran yang bermakna dalam suasana yang menyeronokkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menambahbaik sistem pentaksiran pendidikan, KPM telah melakukan perbandingan dengan beberapa buah negara seperti Finland, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Australia, Scotland, Norway, New Zealand, Jepun, Hong Kong, serta Indonesia dan mereka juga telah beralih daripada peperiksaan berpusat kepada PBS. Perbandingan pentaksiran pendidikan yang dilaksanakan di negara serantau dan antarabangsa menunjukkan bahawa pentaksiran pendidikan di Malaysia bergerak selari dengan agenda pendidikan global.

Pelaksanaan PBS adalah selari dengan *Incheon Declaration and the Education 2030 Framework for Action* yang dibentangkan pada 21 Mei 2015 dalam *World Education Forum* di Incheon, Republik Korea. Deklarasi ini menggariskan pentaksiran pendidikan berkualiti melalui pentaksiran berterusan berasaskan bilik darjah serta pentaksiran yang lebih komprehensif merangkumi pentaksiran kognitif dan bukan kognitif.

Sebagai usaha memperkasa PBS, KPM juga telah melaksanakan ujian akhir sesi akademik yang merupakan pentaksiran sumatif dalam komponen PBD. Ujian ini bersifat *low stake* dan mampu mengurangkan

tekanan peperiksaan kepada murid. Selain itu, KPM turut melakukan penambahbaikan terhadap pelaksanaan ujian akhir sesi akademik mulai sesi akademik 2024/2025, antaranya ialah menukar bentuk pelaporan daripada Tahap Penguasaan (TP) kepada bentuk peratus dan gred, serta memberikan sekolah dan guru autonomi dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian berkaitan PBS sebagai pentaksiran berorientasikan pembelajaran dan perkembangan murid ini juga telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri. KPM yakin pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS yang merangkumi aspek intelektual, emosi, sosial dan jasmani merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KPM beriltizam untuk memastikan semua agenda reformasi pendidikan bergerak tangkas dan berupaya memberikan pendidikan berimpak tinggi kepada generasi pewaris negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang dipertimbangkan oleh pihak Kementerian bagi tujuan keceriaan bangunan sekolah seperti mengecat semula sekolah sekolah di bawah Parlimen Tanjung Piai dan apakah peruntukan bagi tujuan ini turut menerima penambahan dalam Belanjawan 2025 yang akan diumumkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah termasuk di Parlimen Tanjung Piai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2024 KPM telah menurunkan peruntukan sebanyak RM248,126.00 kepada enam buah sekolah di Parlimen Tanjung Piai. Peruntukan ini merangkumi kerja-kerja mengecat luar dan dalam bangunan sekolah serta kerja penyelenggaraan kecil untuk tujuan keceriaan sekolah.

Walau bagaimanapun, KPM tidak menyediakan peruntukan khusus bagi tujuan keceriaan. Namun, sekiranya terdapat keperluan penyelenggaraan untuk tujuan keceriaan permohonan peruntukan boleh dikemukakan dan kelulusan adalah tertakluk kepada keperluan serta susunan keutamaan. KPM sentiasa berusaha untuk memastikan keadaan sekolah yang lebih baik dan ceria untuk murid-murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]**
TARIKH : **11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah penyelesaian sekumpulan pesara Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS) untuk menerima wang persaraan mereka setelah dipertikaikan oleh Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) memandangkan wang terkumpul hasil dari RBS adalah melebihi RM5.8 juta. Adakah Kementerian berhasrat menawarkan faedah alternatif kepada mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Caruman dalam skim *Retirement Benefit Scheme* (RBS) hanya melibatkan caruman oleh majikan (dibiayai sepenuhnya oleh majikan iaitu Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS) sebanyak 20% dan tiada caruman atau sumbangan yang dibuat oleh pekerja.

Selaras dengan pengenalan skim pencen badan berkanun dan tempatan melalui Suruhanjaya Harun, bahagian wang yang dicarumkan oleh majikan bagi pekerja yang memilih opsyen *Full Pension Scheme* perlu dipulangkan kepada majikan. Sehubungan itu, LPPS selaku majikan telah menyerahkan wang RBS tersebut kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) selaras dengan Seksyen 8, Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] dan Seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662].

Manakala bagi pekerja yang memilih opsyen *Full EPF Benefits*, mereka dibenarkan untuk membuat pengeluaran simpanan daripada keseluruhan caruman majikan dan pekerja sebagaimana peraturan sedia ada di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selain daripada *reduced pension* dan *reduced gratuity*.

Bagi maksud soalan YB, seramai 165 orang pesara-pesara LPPS telah membuat tuntutan di mahkamah dan semakan mendapati bahawa 157 plaintif adalah *Full Pension Scheme* dan 8 orang plaintif *Full EPF Benefits*. Tuntutan daripada pesara-pesara LPPS di mahkamah telah pun ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 22 Mac 2010. Mahkamah telah memutuskan bahawa pesara-pesara LPPS yang membuat tuntutan tersebut telah terhenti (*estopped*) dari memohon baki itu dikembalikan kepada mereka dan perkara ini tidak boleh dibuka semula atas prinsip *res judicata*.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan mendapati bahawa tindakan LPPS menyerahkan wang tersebut kepada KWAP adalah teratur dan tiada faedah alternatif baharu ditawarkan kepada pesara LPPS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING
[BEAUFORT]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah dasar pendidikan yang tidak ada peperiksaan untuk darjah 6 (sekolah rendah) dan tingkatan 3 (sekolah menengah) dan hanya ada peperiksaan tingkatan 5 merupakan penyumbang kepada keciciran 10,160 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dimansuhkan mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022. KPM turut memaklumkan bahawa data kehadiran calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merujuk kepada calon yang pertama kali menduduki peperiksaan dengan mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran Bagi peperiksaan SPM Tahun 2023, seramai 10,160 orang calon tidak hadir menduduki peperiksaan, berbanding seramai 14,858 orang calon bagi tahun 2022. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 4,698 orang, atau 1.2 peratus, daripada 3.8 peratus kepada 2.6 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan pemansuhan UPSR dan PT3, dasar pendidikan KPM memberi tumpuan kepada pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPSi). Pada masa ini, KPM kekal dengan pendirian dan keputusan untuk meneguhkan PBD dan latihan untuk guru bagi memastikan kemajuan murid tidak terjejas dan tidak menjadi faktor penyumbang kepada isu keciciran calon SPM khususnya yang berkait rapat dengan falsafah pendidikan kebangsaan.

Sehubungan dengan itu, KPM proaktif melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu keciciran murid dalam peperiksaan SPM dan telah mengenal pasti tiga faktor utama iaitu berhenti sekolah, buang sekolah dan telah bekerja. Pengukuhan kepada inisiatif dan program-program intervensi dilaksanakan untuk menangani isu ketidakhadiran murid ke sekolah dan peperiksaan SPM adalah seperti berikut:

- i. menguatkuasakan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2019: Panduan Pengurusan Rekod Sistem Kehadiran Murid Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menegaskan rekod kehadiran murid ke sekolah;

- ii. mendayagunakan pentaksiran psikometrik bagi mengumpul maklumat gambaran tret psikologi dari segi aspek minda atau jiwa untuk membantu murid mengenali personaliti sendiri dan membuat keputusan berdasarkan kebolehan sendiri. Hasil dapatan pentaksiran boleh diaplikasi dalam pelaksanaan program intervensi dan pelan strategik dalam mengukur prestasi dan pencapaian murid;
- iii. melaksanakan program Persediaan Menghadapi Peperiksaan SPM melalui inisiatif Program Minda Sihat Sekolah bertujuan membimbing murid mengamalkan penjagaan diri. Penjagaan diri amat penting kerana amalan ini mampu memperbaiki kesihatan mental, fizikal dan emosi khususnya sebelum menghadapi peperiksaan. Penjagaan diri juga membantu murid untuk lebih cekap mengenal pasti emosi tidak stabil atau kebimbangan dan seterusnya mencegah fenomena lesu upaya (burnout);
- iv. melaksanakan aktiviti berfokus seperti Ziarah Cakna, sesi konsultasi ibu bapa, permuafakatan Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG) serta Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS). Usaha ini dilaksanakan bagi mengenal pasti punca keciciran murid dan memastikan masalah yang dihadapi oleh murid dapat ditangani dengan kerjasama pelbagai pihak serta intervensi yang dilaksanakan memberi impak kepada pendidikan murid;
- v. bekerjasama dengan Kementerian Kewangan Malaysia melalui Unit Pantau Madani dan Yayasan Hasanah dalam pelaksanaan Program Anak Kita: Semarak Potensi Malaysia. Program ini merupakan salah satu daripada inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi intervensi dan membantu murid pemulihan khas tahun dua hingga tahun enam secara berfokus di tujuh buah negeri, iaitu Kedah, Perak, Selangor, Johor, Kelantan, Sabah, dan Sarawak. Kerjasama ini juga melibatkan Program Pecutan SPM 2024. Pelaksanaan program ini dijalankan secara berfokus dan melibatkan 16 buah negeri;

- vi. melestarikan pengesanan lepasan SPM melalui Sistem e-Profil Kerjaya Murid yang digunakan untuk mengumpul data hala tuju murid selepas SPM bagi membantu pihak sekolah merancang program yang sesuai dalam meningkatkan kesedaran murid terhadap kepentingan belajar, mengembangkan potensi, kecenderungan, sikap, minat dan hala tuju kerjaya;
- vii. memperkasa program kolaboratif dengan agensi Kerajaan dan swasta seperti Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia, Petroliaam Nasional Berhad, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Financial Industry Collective Outreach (FINCO) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia turut diperluaskan bagi meningkatkan peratus kehadiran murid pada peringkat menengah dengan menyediakan alternatif pembelajaran dalam bidang kemahiran, menimbulkan minat belajar murid melalui pengalaman *hands-on* dan pengalaman bekerja di industri; serta menyediakan laluan kerjaya mengikut minat dan kecenderungan murid. Antara program yang dilaksanakan ialah YES! Rock The School bersama-sama Talent Corp di bawah KESUMA dan Program Aspirasi Hidup kerjasama dengan FINCO; dan
- viii. mempergiatkan program pembangunan kapasiti dan profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) bertujuan memantapkan peranan GBK di sekolah sebagai pakar rujuk kerjaya dalam menerajui dan menjalankan intervensi yang terbaik di sekolah.

KPM komited memastikan tiada sebarang implikasi yang akan menjejaskan kemajuan murid termasuk kehadiran calon menduduki peperiksaan SPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, khususnya dalam menangani isu graduan yang bekerja di luar bidang pengajian mereka, dan bagaimana Kementerian memastikan kurikulum akademik selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berterusan komited dalam menyediakan bakat berkemahiran tinggi yang holistik serta mampu memenuhi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi semasa.

2. Antara langkah yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) adalah melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- a) **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik dan rujukan utama IPT** bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui empat strategi yang telah digariskan, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemeraksanaan Hubungan Industri.
- b) **Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)** yang dirangka bagi memberikan nilai tambah daripada aspek kelayakan profesional, bakat, keterampilan diri, dan sahsiah graduan daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran.
- c) **Kerjasama merentas Kementerian, agensi serta industri juga dimantapkan** menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU) di antara KPT dengan pihak industri dan agensi berkepentingan, antaranya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), SIRIM, MDEC dan TalentCorp untuk membantu graduan mendapatkan pekerjaan.
- d) **Membangunkan portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya GREaT.** Antara maklumat dan perkhidmatan yang disediakan termasuklah

pencarian dan padanan pekerjaan; permohonan latihan industri, permohonan kemudahan penajaan dan bantuan kewangan melanjutkan pengajian; perkhidmatan untuk mendapatkan kaunseling kerjaya dan *e-profiling*.

- e) **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO** melalui Portal *MYFutureJobs* atau Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh IPT dan PERKESO. Dalam tempoh Januari 2024 hingga September 2024, seramai **68,019 orang** graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal *MyFutureJobs*.

3. KPT juga menyelaraskan kurikulum dengan keperluan pasaran kerja melalui ***Structured Industry Apprenticeship Programme (SIAP) for Integrated Circuit (IC) Design***. Ia merupakan inisiatif untuk merapatkan jurang perbezaan di antara kurikulum universiti dan industri melalui penerapan modul *IC design* di dalam silibus IPT bagi melahirkan bakat industri *IC design*.

4. Selain itu, KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut sama membangun dan menambahbaik kurikulum dari semasa ke semasa dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penasihat Kurikulum. Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada penasihat akademik dari institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, badan profesional, industri dan pihak berkepentingan lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan secara terperinci berkenaan :**

- (a) penyelesaian tuntas bagi menangani isu kekerapan penangguhan masa penerbangan dan kes-kes kapal terbang berpatah balik sebelum tiba destinasi; dan
- (b) tindakan Kementerian dalam strategi memperkukuh peranan CAAM dan syarikat-syarikat penerbangan dalam memastikan pertumbuhan sektor udara negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a. penyelesaian tuntas bagi menangani isu kekerapan penangguhan masa penerbangan dan kes-kes kapal terbang berpatah balik sebelum tiba destinasi.

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sentiasa memantau kelewatan dan pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan di Malaysia. Berdasarkan data Januari hingga Ogos 2024, sejumlah 76% atau 197,102 daripada 258,116 penerbangan yang dioperasikan oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia adalah tepat pada masa (*on time*) manakala 61,104 penerbangan mengalami penangguhan. 90% daripada jumlah penerbangan yang ditangguhkan adalah ditangguhkan kurang daripada 2 jam dari waktu perlepasan yang dijadualkan.

2. Berkenaan statistik pembatalan penerbangan pula, daripada 444,234 jumlah penerbangan berjadual pada tahun 2023 sebanyak 90,696 penerbangan telah dibatalkan. Keadaan telah menjadi stabil dan trend penurunan pembatalan penerbangan membuktikan langkah yang diambil mula membuahkan hasil. Setakat Ogos 2024, jumlah penerbangan berjadual yang dibatalkan adalah sejumlah 57,276 penerbangan daripada 315,388 jumlah penerbangan.

3. Antara punca kelewatan penerbangan adalah disebabkan oleh operasi syarikat penerbangan seperti penggiliran pesawat dan anak kapal serta keadaan luar biasa dan isu teknikal.

4. Manakala pembatalan penerbangan adalah disebabkan isu komersial seperti muatan rendah (*poor loads*), masalah operasi syarikat penerbangan seperti kekurangan anak kapal, ketibaan lewat pesawat, putaran pesawat (*aircraft rotation*), keadaan luar biasa seperti cuaca, kawalan trafik udara dan masalah teknikal seperti *aircraft on ground* (AOG).

5. Bagi menangani isu kelewatan dan pembatalan ini, MOT dan MAVCOM pada April 2024 telah menetapkan 85% sasaran *On-Time Performance* (“OTP”) dan 80% penerbangan yang mematuhi jadual bagi semua syarikat penerbangan Malaysia yang beroperasi dari semua lapangan terbang di Malaysia.

6. Hasil pemantauan prestasi syarikat penerbangan itu akan diterbitkan di laman web MAVCOM. Sekiranya syarikat penerbangan gagal mencapai sasaran, ia boleh memberi kesan kepada permohonan syarikat penerbangan untuk memperbaharui atau menambah hak trafik udara daripada pihak MAVCOM. Selain itu, MAVCOM juga merancang untuk memperkenalkan mekanisme insentif dan penalti untuk syarikat penerbangan berdasarkan sasaran OTP dan pembatalan penerbangan yang telah ditetapkan.

7. Seterusnya, MAVCOM juga telah mengingatkan syarikat penerbangan untuk mematuhi keperluan pengurusan gangguan penerbangan. Syarikat penerbangan dikehendaki mengerahkan pasukan pengendalian kelewatan penerbangan, mengeluarkan kenyataan media dalam masa 24 jam untuk gangguan penerbangan utama (*major*) dan menyediakan laporan terperinci kepada MAVCOM.

8. Bagi menjamin hak pengguna penerbangan Malaysia, MOT telah menambahbaik Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (“MACPC”) yang telah diwartakan pada 2 September 2024. Kod ini bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna penerbangan Malaysia. Melalui pindaan MACPC 2024, syarikat penerbangan telah ditetapkan kewajipan untuk menawarkan hak kepada pengguna penerbangan, meliputi kelewatan dan pembatalan penerbangan.

9. Antara penambahbaikan MACPC 2024 adalah ia menetapkan keperluan untuk syarikat penerbangan menawarkan pilihan bayaran balik dalam bentuk pembayaran asal untuk sebarang kelewatan penerbangan melebihi lima jam, termasuk kelewatan yang disebabkan oleh keadaan luar biasa. Kewajipan untuk membayar balik pengguna dalam bentuk pembayaran asal juga meliputi pembatalan penerbangan disebabkan oleh keadaan luar biasa oleh syarikat penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menjawab soalan mengenai kapal terbang berpatah balik sebelum tiba destinasi, secara umumnya insiden pesawat yang perlu berpatah balik dikategorikan kepada dua (2) keadaan iaitu *Return to Chock (RTC)* dan *Air Turn Back (ATB)*. RTC adalah keadaan di mana pesawat diarah untuk berpatah balik ke posisi parkir. Biasanya keadaan ini berlaku setelah pesawat mengalami sebarang masalah atau isu dan perlu berpatah balik sebelum berlepas. Manakala ATB merujuk kepada keadaan dimana pesawat berpatah balik ke lapangan terbang asal selepas pesawat berlepas. Insiden ini biasanya akibat daripada isu kecemasan atau situasi tidak normal yang berlaku ke atas pesawat seperti masalah kegagalan enjin, isu teknikal dan kecemasan seperti isu kesihatan atau perubatan. Bagi tahun 2023, sebanyak 248 insiden yang melibatkan RTC dan 13 insiden ATB direkodkan. Bagi tahun 2024 setakat Oktober, sebanyak 181 insiden RTC dan 18 insiden ATB direkodkan.

11. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) selaku Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan teknikal penerbangan awam negara telah meningkatkan pemantauan dan menjalankan siasatan terhadap sebarang insiden yang melibatkan pesawat-pesawat kendalian syarikat-syarikat penerbangan Malaysia.

12. Dalam hubungan ini, CAAM telah menjalankan siasatan mengejut ke atas syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB) termasuk syarikat MAB Engineering Services (MABES) yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan pesawat-pesawat MAB pada 24 hingga 28 Jun 2024.

13. Berdasarkan dapatan siasatan tersebut, antara isu signifikan yang menyumbang kepada beberapa insiden teknikal pesawat MAB adalah kemungkinan disebabkan masalah komponen mekanikal dan kekurangan tenaga pekerja mahir yang diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pesawat dan meningkatkan tahap keberkesanan

sistem pengurusan kualiti serta sistem pengurusan perihal selamat oleh syarikat penerbangan MAB dan MABES.

14. Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti tindakan penambahbaikan terhadap hasil siasatan menjejut CAAM, MAB telah menyediakan pelan mitigasi antaranya adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan pesawat ke tahap waspada bagi membolehkan fokus diberikan terhadap kebolehpercayaan pesawat.

15. Bagi memperkukuhkan aspek-aspek penyelenggaraan pesawat, MAB telah mengambil beberapa langkah komprehensif seperti berikut:

- i) Membatalkan beberapa rangkaian penerbangan dalam dan luar negara secara sementara. Langkah pembatalan rangkaian penerbangan ini adalah perlu bagi memastikan ketahanan jangka panjang pesawat dan keteguhan operasinya. Melalui pembatalan rangkaian penerbangan secara sementara ini akan membolehkan penyelenggaraan yang lebih proaktif dilakukan terhadap pesawat, mengurangkan risiko kerosakan pesawat dan memberikan pengalaman penerbangan yang terbaik kepada pelanggan. Keputusan ini juga adalah untuk memastikan standard keselamatan MAB bukan hanya dikekalkan tetapi diperkukuhkan;
- ii) MAB juga telah menjalankan siasatan menyeluruh terhadap isu teknikal semasa dengan mengenal pasti dan membetulkan punca, serta menambah baik protokol dan prosedur penyelenggaraan bagi memastikan piawaian keselamatan yang ditetapkan dapat dicapai;
- iii) Semua langkah penyelesaian masalah (*troubleshooting*) yang diperlukan untuk mengasingkan kerosakan sedang dilakukan menggunakan manual penyelenggaraan pesawat terkini yang telah diluluskan. Dalam hal ini, MAB telah menggunakan teknologi moden dalam penyelenggaraan pencegahan dan ramalan untuk menjangka dan menangani isu sebelum ianya menjadi kritikal;

- iv) MAB juga sedang bekerjasama rapat dengan pengeluar pesawat dan enjin serta rangkaian pembekal yang berkaitan untuk menangani isu rantai bekalan dan teknikal;
- v) Di samping itu, MAB juga sedang memberikan tumpuan kepada peningkatan latihan dan pengambilan pekerja bagi menangani isu peningkatan permintaan dan kompleksiti pesawat moden; dan
- vi) Secara kolektifnya, langkah-langkah ini dilakukan bertujuan untuk memulihkan keyakinan penumpang dan bagi memastikan penerbangan yang lebih selamat serta lebih dipercayai oleh penumpang.

16. Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan audit terkini CAAM ke atas syarikat MAB, tempoh pembaharuan Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) akan dikurangkan daripada tiga tahun kepada satu tahun sahaja bermula 1 September 2024 hingga 31 Ogos 2025. Oleh yang demikian, syarikat penerbangan perlu melalui proses pengauditan sebelum AOC diperbaharui. Tempoh AOC yang lebih pendek akan mewajibkan audit yang lebih kerap. Hal ini bagi memastikan MAB mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sewajarnya sebagai mana pelan mitigasi yang telah dikemukakan oleh CAAM.

17. CAAM akan meneruskan pemantauan dan menjalankan pengauditan keselamatan terhadap semua pesawat yang dimiliki oleh syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi dalam negara dalam memastikan aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dipatuhi sewajarnya. Kementerian ini menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara yang melibatkan keselamatan penumpang penerbangan.

(b) Tindakan Kementerian dalam strategi memperkukuh peranan CAAM dan syarikat-syarikat penerbangan dalam memastikan pertumbuhan sektor udara negara.

18. Bagi maksud memperkukuhkan CAAM, MOT telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) membantu CAAM dalam proses pelaksanaan transformasi tadbir urus dan pengurusan dari segi struktur organisasi dan sumber manusia, kewangan serta pendigitalan dan automasi;
- (ii) mengenalpasti dan merancang latihan-latihan kepakaran yang diperlukan oleh inspektor CAAM dengan organisasi atau institusi latihan antarabangsa;
- (iii) menyediakan dokumen-dokumen prosedur teknikal serta memperkemaskan kaedah pengumpulan dan analisa data keselamatan yang berkaitan untuk tujuan pengawasan; dan
- (iv) merancang pelaksanaan tindakan penguatkuasaan dan pengawasan dengan lebih berkesan selari dengan perundangan baharu.

19. Pada masa yang sama, Kerajaan telah bersetuju supaya badan kawal selia industri penerbangan Malaysia dirasionalisasi dan diletakkan di bawah satu entiti. Dalam hubungan ini, MAVCOM akan dibubarkan dan semua fungsinya dipindahkan kepada CAAM dengan tujuan untuk memastikan perkembangan industri penerbangan awam selari dengan hala tuju dasar Kerajaan supaya lebih kompetitif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kronologi siasatan dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ekoran dakwaan penyelewengan akidah dan manipulasi kanak-kanak oleh kakitangan syarikat Global Ikhwan Sdn. Bhd dan Global Ikhwan Services and Business Holdings atau GISB @ GIHB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius terhadap isu-isu berkaitan penyelewengan akidah dan jenayah yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Service & Business Holdings Sdn. Bhd. (GISB Holdings Sdn. Bhd. - GISB) yang melibatkan amalan ajaran sesat, aktiviti perhambaan, eksploitasi kanak-kanak dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak PDRM telah menjalankan risikan berhubung dengan eksploitasi dan penderaan kanak-kanak yang dikaitkan dengan GISB. PDRM telah menjalankan siasatan dan melancarkan OP Global pada 07 September 2024. Siasatan pihak PDRM terbahagi kepada 4 Fasa yang telah dijalankan sehingga kini iaitu:

a) Fasa 1 bermula pada 2 hingga 10 September 2024

Pihak PDRM telah menerima (4) laporan polis di Negeri Sembilan dan Selangor ke atas kes penderaan kanak-kanak. Sepanjang tempoh ini sebanyak (13) kertas siasatan telah dibuka dan (6) tangkapan dibuat ke atas beberapa individu. Selain itu, pihak PDRM juga telah melaksanakan serbuan ke atas (20) premis Rumah Amal Limpahan Kasih (RALK) di Selangor dan Negeri Sembilan iaitu (18) di Selangor dan (2) di Negeri Sembilan. Siasatan telah dijalankan di bawah Seksyen 31(a) dan 32(a) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], Seksyen 12 dan 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 [Akta 670], Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] dan Seksyen 344/323 Kanun Keseksaan;

b) Fasa 2 bermula pada 11 hingga 17 September 2024

Pihak PDRM telah membuka (24) kertas siasatan dan berjaya membuat tangkapan seramai 176 orang serta telah berjaya menyelamatkan seramai 392 orang mangsa yang terdiri daripada kanak-kanak. Dalam fasa ini, pihak PDRM telah membuat pertuduhan

sebanyak (4) kertas siasatan dan menuduh (2) orang dengan (5) pertuduhan. Siasatan telah dijalankan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], Sek. 6(1) Akta Taman Asuhan 1984, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Sek. 506 Kanun Keseksaan, Sek. 427 Kanun Keseksaan dan Sek. 505(b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 12 dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 [Akta 670];

c) Fasa 3 bermula pada 18 hingga 20 September 2024

Pihak PDRM telah membuat tangkapan seramai (36) orang telah ditangkap termasuk Pengerusi GSIBH. Siasatan di bawah Seksyen Seksyen 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 [Akta 670]; dan

d) Fasa 4 bermula 21 hingga 30 September 2024

Pihak PDRM telah berjaya membuat tangkapan seramai 213 orang dan membuka 56 kertas siasatan dibuka. Siasatan di bawah Seksyen 31(a) dan 32(a) Akta Kanak-Kanak, Seksyen 12 dan 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 [Akta 670], Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] , Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792], Kesalahan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574], Seksyen 298 Kanun Keseksaan / Sek. 8 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 Seksyen 6(1)(c) / Sek. 55E Akta Imigresen 1957/1963 dan Sek. 13 (1)(B) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997.

Pihak Polis Diraja Malaysia melaksanakan operasi ini dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

NO SOALAN : 42

Berdasarkan tempoh fasa siasatan pihak PDRM bermula 2 hingga 30 September 2024, pihak PDRM telah membuka sebanyak 94 kertas siasatan dengan pelbagai akta, 410 orang tangkapan dan sebanyak 11 kertas siasatan telah dituduh melibatkan (8) orang (OKT). Jumlah mangsa yang telah diselamatkan seramai 625 orang terdiri daripada lelaki 308 orang dan perempuan 317 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status peruntukan khas yang disalurkan bagi menyelesaikan isu bekalan air di Sabah khususnya bagi kawasan Sandakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 27 September 2023 telah meluluskan sebanyak RM300 juta secara pinjaman untuk menyelesaikan isu bekalan air di negeri Sabah. Perincian projek adalah seperti berikut:

- i. Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil (Penggantian/ Naik Taraf Paip, Pam Penggalak dan Tangki Simpanan Air di Daerah Kota Kinabalu) - Jangkaan Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan pada Januari 2025;
- ii. Projek Penggantian Pam Penggalak/ Pembinaan Rumah Pam Penggalak/ Penggantian Pam Air Mentah dan Terawat Bagi Muka Sauk dan Loji Rawatan Air Di Daerah Papar, Keningau dan Lahad Datu - Jangkaan SST dikeluarkan pada Januari 2025;
- iii. Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Kasigui Bagi Bekalan Air Daerah Putatan dan Menaik Taraf Muka Sauk di Loji Rawatan Air Beaufort 2 Termasuk Kerja Kerja Berkaitan - Jangkaan SST dikeluarkan pada Oktober 2024; dan
- iv. Penggantian Alat Janakuasa di Loji Rawatan Air Merotai, Tawau dan Beaufort 1 - Jangkaan SST dikeluarkan pada Januari 2025.

2. Terdapat satu (1) projek sedang dalam pembinaan di daerah Tuaran iaitu projek Penambahan Kapasiti Loji Rawatan Air Telibong II dari 80JLH ke 160JLH Termasuk Saluran Paip Utama dan Tangki Simpanan dengan peruntukan berjumlah RM429.2 juta. Kemajuan fizikal terkini di tapak projek ialah 99.68%. Projek ini dijangka siap pada November 2024. Walau bagaimanapun, terdapat permohonan Notis Perubahan (NOC) untuk kelulusan peluasan skop, objektif, *output* dan *outcome* projek dengan pelarasan kos. Permohonan NOC telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi pada 17 September 2024.

3. Terdapat satu (1) projek sedang dalam pembinaan di daerah Tuaran iaitu projek Penambahan Kapasiti Loji Rawatan Air Telibong II dari 80JLH ke 160JLH Termasuk Saluran Paip Utama dan Tangki Simpanan dengan peruntukan berjumlah RM429.2 juta. Kemajuan fizikal terkini di tapak projek ialah 99.68%. Projek ini dijangka siap pada November 2024. Walau bagaimanapun, terdapat permohonan Notis Perubahan (NOC) untuk kelulusan peluasan skop, objektif, *output* dan *outcome* projek dengan pelarasan kos. Permohonan NOC telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi pada 17 September 2024.

4. Di Sandakan pula, terdapat satu (1) projek sambungan iaitu Projek Menaik Taraf Sistem Saluran Agihan Utama Termasuk Pembinaan Tiga (3) Buah Tangki Simpanan Utama, Sandakan dengan peruntukan berjumlah RM144.8 juta. Kemajuan fizikal terkini ialah 39% dan projek dijangka siap pada suku ke-3 tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status projek tebatan banjir di Segamat yang diluluskan oleh YAB PM tahun lepas. Nyatakan tarikh permulaan, nama syarikat konsesi yang terlibat menerima tender dan apakah tempoh penyelesaiannya mengikut fasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muar Fasa 3 dengan jumlah kos RM650 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Proses perolehan projek ini adalah secara tender dan tidak melibatkan konsep konsesi.
2. Fasa ketiga projek RTB Sungai Muar dilaksanakan secara reka dan bina melalui dua pakej. Pakej pertama adalah menaiktaraf Sungai Muar di antara pertemuan Sungai Jementah sehingga pertemuan Sungai Labis. Pakej ini mula dilaksanakan pada Julai 2024 oleh Kator Construction Sdn. Bhd. Berdasarkan perancangan, projek akan siap sepenuhnya pada Julai 2029.
3. Pakej kedua pula adalah menaiktaraf Sungai Labis, Sungai Jementah dan cabangnya. Pakej 2 ini telah mula dilaksanakan pada Februari 2024 oleh Kemuncak Pesaka Sdn. Bhd. Berdasarkan perancangan, projek akan siap sepenuhnya pada Januari 2029.
4. Pelaksanaan kedua-dua pakej ini melibatkan skop utama seperti pembinaan kolam takungan banjir, pembinaan lencongan banjir di kawasan hilir (*downstream*) Bandar Segamat iaitu di Sungai Muar, menaiktaraf Sungai Muar serta anak-anak sungainya di antara pertemuan Sungai Jementah hingga ke Sungai Labis. Projek ini apabila siap kelak akan memberi manfaat perlindungan banjir kepada lebih 22,000 orang penduduk dengan kawasan seluas 4,800 hektar secara keseluruhannya.
5. Kementerian juga turut telah melaksanakan projek RTB Sungai Muar Fasa 1 dan Fasa 2 yang telah siap masing-masingnya pada tahun 2011 dan 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]**

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha meletakkan elemen sumpah setia negara sebagai tambahan kepada syarat permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 16 dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap individu yang diluluskan kewarganegaraannya, individu berkenaan perlu mengangkat sumpah taat setia sebelum sijil kewarganegaraan dikeluarkan. Manakala bagi Perkara 16 dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan, elemen ujian Bahasa Melayu perlu dibuat oleh pemohon warganegara di bawah Perkara 16 dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN
HAJI MOHD. YASIN [PAGOH]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASIN [PAGOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kewangan semasa termasuk hutang dan liabiliti Kerajaan, kadar nisbah hutang berbanding KDNK negara, serta pinjaman baharu dalam bentuk bon Kerajaan dan lain-lain pinjaman, bayaran balik bon Kerajaan dan obligasi bayaran hutang setakat Oktober 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 2024, kedudukan kewangan dijangka mencatat defisit fiskal lebih rendah iaitu berjumlah RM84.3 bilion atau 4.3 peratus daripada KDNK berbanding RM91.4 bilion atau 5% pada 2023. Kedudukan defisit fiskal diunjur terus berkurang kepada RM80 bilion atau 3.8% pada 2025. Kerajaan komited dalam meneruskan trajektori konsolidasi fiskal untuk membina ruang fiskal dan memastikan kemampuan fiskal dan hutang dalam jangka sederhana dan panjang, seterusnya memastikan sasaran defisit fiskal di bawah 3% daripada KDNK dan sasaran hutang tidak melebihi 60% daripada KDNK seperti yang ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] dapat dicapai dalam tempoh jangka sederhana.

Sehingga akhir September 2024, hutang Kerajaan Persekutuan mencatat RM1,239.1 bilion atau 63.7% daripada KDNK berbanding akhir 2023 sebanyak RM1,172.5 bilion atau 64.3% iaitu dengan peningkatan sebanyak RM66.6 bilion bagi sembilan bulan pertama 2024. Peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan adalah disebabkan oleh keperluan Kerajaan untuk membiayai defisit fiskal bagi menampung perbelanjaan pembangunan (DE). Pembiayaan ini secara langsung akan meningkatkan paras hutang Kerajaan selagi mana kedudukan kewangan Kerajaan mengalami defisit.

Dalam Belanjawan 2025, Kerajaan telah mensasarkan defisit fiskal lebih rendah kepada 3.8 peratus daripada KDNK. Selaras dengan pengurangan defisit, hutang baharu oleh Kerajaan berkurang daripada 100 billion ringgit tahun 2022 kepada 92.6 billion ringgit tahun 2023 seterusnya kepada anggaran 84.7 bilion ringgit pada tahun 2024 dan disasarkan 80 bilion ringgit tahun 2025. Trend penurunan ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memastikan nisbah hutang kepada KDNK dapat dikurangkan supaya tidak melebihi 60% dapat dicapai dalam tempoh jangka sederhana seperti yang ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850].

NO SOALAN :46

Untuk makluman, sehingga akhir September 2024, jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM166.5 bilion telah diterbitkan berkurang berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023 iaitu RM182.5 bilion. Jumlah ini merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak RM71 bilion (Januari – September 2023: RM69.5 bilion), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM73.5 bilion (Januari – September 2023: RM74.5 bilion) dan Bil Perbendaharaan sebanyak RM22 bilion (Januari – September 2023: RM38.5 bilion).

Daripada jumlah ini, sebanyak RM96.7 bilion telah digunakan untuk bayaran balik hutang yang matang merangkumi MGS sebanyak RM43.5 bilion, MGII sebanyak RM24.5 bilion, Bil Perbendaharaan sebanyak RM23 bilion, Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK) sebanyak RM5.5 bilion dan pinjaman luar pesisir sebanyak RM0.2 bilion. Manakala baki RM69.8 bilion merupakan terbitan pinjaman baharu untuk membiayai defisit dan sebahagian hutang yang akan matang dalam tempoh terdekat.

Manakala, jumlah liabiliti Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM369.3 bilion pada akhir Jun 2024 berbanding RM361.1 bilion pada akhir 2023. Jumlah ini meliputi komitmen jaminan sebanyak RM231.4 bilion (2023: RM227.4 bilion) dan liabiliti lain RM137.9 bilion (2023: RM133.7 bilion).

Sekian, terima kasih.